

**REPRESENTASI KASIH SAYANG DAN KESETIAAN
DALAM FILEM *HACHIKO MONOGATARI***

TAN SWEE CHING

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

REPRESENTASI KASIH SAYANG DAN KESETIAAN
DALAM FILEM *HACHIKO MONOGATARI*

TAN SWEE CHING

DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA LINGUISTIK

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: TAN SWEE CHING

No. Matrik: TGC 120064

Nama Ijazah: IJAZAH SARJANA LINGUISTIK

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**REPRESENTASI KASIH SAYANG DAN KESETIAAN DALAM
FILEM HACHIKO MONOGATARI**

Bidang Penyelidikan: SEMIOTIK

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

REPRESENTASI KASIH SAYANG DAN KESETIAAN

DALAM FILEM *HACHIKO MONOGATARI*

ABSTRAK

Filem *Hachiko Monogatari* adalah sebuah filem tragis dan berkisah benar tentang seekor anjing yang diberi nama Hachiko (ハチ公). Anjing ini amat setia kepada tuannya yang bernama Profesor Ueno, walaupun selepas kematian tuannya. Filem ini ditayangkan pada tahun 1987 dan merupakan filem Jepun *box-office* yang merakamkan keuntungan tertinggi pada tahun berkenaan. Filem drama Amerika Syarikat *Hachiko: A Dog's Story* yang ditayangkan pada tahun 2009 merupakan pembuatan ulang daripada filem Jepun *Hachiko Monogatari*. Kajian ini bertujuan menganalisis representasi kasih sayang dan kesetiaan dalam filem *Hachiko Monogatari* versi bahasa Jepun dari perspektif semiotik.

Kerangka teori kajian ini menggunakan teori semiotik Charles Sanders Peirce (10 September 1839- 19 April 1914), iaitu Segitiga Makna Semiotik Peirce (*Peirce's Triadic Semiotic System*). Jelas dalam pemikiran Peirce terdapat hubungan yang tidak boleh dipisahkan antara tanda dan interpretasi dengan objek yang dirujuknya. Kajian ini merupakan satu penyelidikan kualitatif yang menggunakan pendekatan deskriptif. Analisis semiotik terhadap elemen verbal dan elemen bukan verbal dibuat dengan menggunakan teori Charles Sanders Peirce di mana kaedah deskriptif digunakan untuk menginterpretasi data.

Hasil kajian menunjukkan nilai kasih sayang dapat direpresentasi melalui elemen verbal dan bukan verbal. Dari segi elemen verbal, dialog watak-watak dilihat. Elemen verbal berjaya dianalisis dengan berpandukan *Appraisal Theory* (Teori

Penilaian) (Martin & White, 2005; Martin & Rose, 2003) mengenai *attitude* (sikap).

Dari segi elemen bukan verbal, kontak tubuh (sentuhan badan), kedekatan, ekspresi wajah, *gesture*, postur, dan kontak mata dilihat. Elemen bukan verbal dianalisis berpandukan makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972). Watak utama dalam filem, iaitu Profesor Ueno diteliti melalui elemen verbal dan bukan verbal yang menunjukkan sikap dan perasaan kasih sayang terhadap Hachiko.

Selain itu, nilai kesetiaan dapat direpresentasikan melalui elemen bukan verbal. Elemen bukan verbal untuk representasi kesetiaan juga dianalisis berpandukan makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972). Representasi kesetiaan dalam filem dilihat melalui anjing Hachiko terhadap tuannya. Disebabkan anjing tidak berkomunikasi secara lisan seperti manusia, maka Hachiko yang menunjukkan kesetiaan terhadap tuannya hanya dapat diteliti melalui elemen bukan verbal.

Hasil analisis data daripada tanda-tanda signifikan yang terdapat dalam filem *Hachiko Monogatari* telah menjadi landasan kepada penyampaian mesej mengenai nilai-nilai kasih sayang dan kesetiaan yang terkandung dalam filem ini. Nilai-nilai kasih sayang dan kesetiaan yang dibentangkan dalam tayangan filem *Hachiko Monogatari* telah menjadikan filem ini sungguh berjaya dan disukai ramai. Dengan itu dicadangkan agar filem ini dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar-pelajar di sekolah. Pengkaji berfikiran bahawa nilai-nilai moral seperti kasih sayang dan kesetiaan sepatutnya menjadi iktibar dan harus dicontohi dan disemai dalam hati setiap orang semenjak berada di bangku sekolah lagi.

REPRESENTATION OF LOVE AND LOYALTY IN THE FILM

HACHIKO MONOGATARI

ABSTRACT

The film, *Hachiko Monogatari* is a tragic true story about a dog named Hachiko (ハチ公). This dog was very loyal to its master, Professor Ueno, even after its master died. The film was aired in 1987 and was the highest rating box-office Japanese movie of that year. The American show "Hachiko: A Dog's Story" from 2009 was a remake of the Japanese version *Hachiko Monogatari*. This study aims to analyze the representation of love and loyalty in the film *Hachiko Monogatari* from a semiotic perspective.

This study is based on the framework of Charles Sanders Peirce's (10 September 1839 - 19 April 1914) Triadic Semiotic System. Clearly in Peirce's mind, there is an inseparable connection between sign and interpretation with the object he referred to. This study is a qualitative research using a descriptive approach. Semiotic analysis of verbal and non-verbal elements was created using Charles Sanders Peirce theory where descriptive methods were used to interpret data.

Findings showed that the value of love can be represented by verbal and non-verbal elements. In terms of verbal elements, dialogue of character is seen. The verbal element was successfully analyzed based on Appraisal Theory (*Teori Penilaian*) (Martin & White, 2005; Martin & Rose, 2003) regarding attitude (*sikap*). In terms of non-verbal elements, body contact (touch of the body), proximity, facial expression, gesture, posture, and eye contact are seen. The non-verbal element was analyzed based on the meaning of Michael Argyles' (1972) non-verbal communication language. The main character in the film, Professor Ueno was examined through verbal and non-verbal elements who showed attitude and feelings of love towards Hachiko.

Loyalty can be represented through non-verbal elements. Non-verbal elements of loyalty were also analyzed based on the interpretation of Michael Argyles' (1972) non-verbal language. The representation of loyalty in the film was seen through Hachiko's behaviour to its master. Dogs cannot communicate verbally like humans, hence Hachiko's loyalty to its master can only be scrutinized through non-verbal elements.

The analysis of the film for significant signs in the film *Hachiko Monogatari* have delivered the keystone message on the values of love and loyalty contained in the film. The values of love and loyalty presented in the film *Hachiko Monogatari* have made this movie a success. Therefore, it is recommended that this film be used as learning material for students in school. The researcher is of the opinion that moral values such as love and loyalty should be learnt, emulated and nurtured in everyone's mind from primary school age.

PENGHARGAAN

Dalam proses penulisan disertasi saya, terlalu ramai insan yang telah menghulurkan bantuan dan berkongsi idea agar kajian ini dapat dijalankan. Kesudian pihak yang terlibat serta sumbangan yang diberikan secara langsung atau tidak langsung amat dihargai dan disanjung tinggi oleh saya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih dirakamkan kepada penyelia yang dihormati. Segala nasihat, bantuan, dorongan, keprihatinan dan kesabaran Dr. Emily Lau Kui Ling, telah membantu saya dalam proses menyempurnakan disertasi ini. Saya amat bersyukur kerana mendapat penyelia yang amat senang dihubungi dan sentiasa bertindak pantas dalam membaca draf penulisan saya.

Tidak dilupakan juga penghargaan yang tidak terhingga ditujukan kepada Dr. Fauziah Taib yang menjadi mantan penyelia saya. Segala tunjuk ajar dan penerangan yang diberikan semasa sesi penyeliaan, menjadi pedoman saya dalam penyediaan proposal.

Ucapan penghargaan yang tulus ikhlas juga ditujukan kepada Dr. Mohd. Ghazali Bin Taib yang bertungkus-lumus membantu menyemak dan mengesahkan transkripsi dan penterjemahan daripada bahasa Jepun ke bahasa Melayu dalam disertasi saya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu, suami, ahli-ahli keluarga, rakan-rakan seperjuangan dan panel pemeriksa disertasi saya.

Sekalung ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pegawai-pegawai Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberikan peluang kepada saya melanjutkan pelajaran hingga memperoleh ijazah sarjana.

KANDUNGAN

Muka surat	
HALAMAN TAJUK	i
BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
SENARAI GAMBAR RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Latar belakang kajian	1
1.1 Penyataan masalah	2
1.2 Objektif kajian	4
1.3 Soalan kajian	5
1.4 Kepentingan kajian	5
1.5 Skop dan batasan kajian	6
1.6 Kesimpulan	7

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	8
2.1	Nilai kasih sayang	8
	2.1.1 Ciri-ciri kasih sayang	10
2.2	Nilai kesetiaan	11
	2.2.1 Ciri-ciri kesetiaan	13
2.3	Representasi	14
2.4	Elemen verbal	15
	2.4.1 <i>Appraisal Theory</i> (Teori Penilaian) Martin dan White mengenai <i>attitude</i> (sikap)	16
	2.4.1.1 <i>Attitude</i> (sikap)	18
	2.4.1.1.1 <i>Affect</i> (perasaan orang)	18
2.5	Elemen bukan verbal	23
	2.5.1 Bahasa komunikasi bukan lisan menurut Michael Argyle (1972)	24
	2.5.1.1 Kontak tubuh (sentuhan badan)	24
	2.5.1.2 Kedekatan	24
	2.5.1.3 Ekspresi wajah	25
	2.5.1.4 <i>Gesture</i>	25
	2.5.1.5 Postur	26
	2.5.1.6 Kontak mata	26
2.6	Filem	27
2.7	Kesimpulan	28

BAB 3 METODOLOGI

3.0	Pengenalan	29
3.1	Teori semiotik Charles Sanders Peirce	29

3.2	Reka bentuk kajian	33
3.3	Pengumpulan data	33
3.4	Prosedur analisis data	34
	3.4.1 Langkah-langkah analisis data	35
	3.4.2 Aplikasi penggabungjalinan teori	42
3.5	Sinopsis filem <i>Hachiko Monogatari</i>	43
3.6	Kesimpulan	46

BAB 4 DATA ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.0	Pengenalan	47
4.1	Representasi kasih sayang dalam filem <i>Hachiko Monogatari</i>	47
	4.1.1 Data analisis representasi kasih sayang	47
	4.1.1.1 Representasi kasih sayang Profesor Ueno pada Hachiko	48
	4.1.1.1.1 Adegan 1: Kali pertama Profesor Ueno bertemu dengan Hachiko	49
	4.1.1.1.2 Adegan 2: Hachiko diberi nama	52
	4.1.1.1.3 Adegan 3: Profesor Ueno menasihati pekerja lelaki supaya tidak mempermain-mainkan Hachiko	55
	4.1.1.1.4 Adegan 4: Profesor Ueno membuat keputusan muktamad memelihara Hachiko	58
	4.1.1.1.5 Adegan 5: Profesor Ueno biar Hachiko berjalan-jalan di taman	62
	4.1.1.1.6 Adegan 6: Profesor Ueno membantu menangkap kutu Hachiko	64
	4.1.1.1.7 Adegan 7: Profesor Ueno mandi bersama dengan Hachiko	68
	4.1.1.1.8 Adegan 8: Profesor Ueno mendukung Hachiko masuk ke rumah pada malam berhujan ribut	71

4.1.2	Perbincangan analisis	75
4.2	Representasi kesetiaan dalam filem <i>Hachiko Monogatari</i>	80
4.2.1	Data analisis representasi kesetiaan	80
4.2.1.1	4.2.1.1 Representasi kesetiaan Hachiko pada Profesor Ueno	80
4.2.1.1.1	Adegan 9: Hachiko menemani Profesor Ueno pergi ke stesen Shibuya pada siang hari	81
4.2.1.1.2	Adegan 10: Hachiko menjemput Profesor Ueno yang pulang dari kerja di stesen Shibuya	83
4.2.1.1.3	Adegan 11: Hachiko menjemput Profesor Ueno pulang dari kerja semasa hari hujan	87
4.2.1.1.4	Adegan 12: Hachiko menjemput Profesor Ueno pulang dari kerja semasa musim bersalji	90
4.2.2	Perbincangan analisis	92
4.3	Maklum balas analisis kajian rintis	93
4.4	Kesimpulan	94

BAB 5 KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	95
5.1	Kesimpulan hasil dapatan kajian	95
5.1.1	5.1.1 Kesimpulan nilai kasih sayang yang direpresentasikan melalui elemen verbal dan bukan verbal melalui watak Profesor Ueno dalam filem <i>Hachiko Monogatari</i>	95
5.1.2	5.1.2 Kesimpulan nilai kesetiaan yang direpresentasikan melalui elemen bukan verbal melalui watak Hachiko dalam filem <i>Hachiko Monogatari</i>	97
5.2	Cadangan kajian masa depan	98
5.3	Kesimpulan	98

Rujukan	99
Lampiran	102

SENARAI GAMBAR RAJAH

		Muka surat
Rajah 2.1	Rangka <i>Appraisal System</i> (Martin & White, 2005, ms. 38)	16
Rajah 2.2	<i>System Network of Appraisal</i> (Martin & Rose, 2003)	22
Rajah 3.1	Segitiga Makna Semiotik Peirce	31
Rajah 3.2	Analisis Segitiga Makna Semiotik Peirce untuk tiap-tiap adegan	37

SENARAI JADUAL

	Muka surat	
Jadual 2.1	<i>Affect- un/ happiness</i> (Martin & White, 2005, ms. 49)	19
Jadual 2.2	<i>Affect- in/ security</i> (Martin & White, 2005, ms. 50)	20
Jadual 2.3	<i>Affect- dis/ satisfaction</i> (Martin & White, 2005, ms. 51)	20
Jadual 2.4	<i>Affect</i> (Martin & White, 2005, ms. 51)	21
Jadual 2.5	<i>Options for Affect</i> (Martin & Rose, 2003, ms. 28)	22
Jadual 3.1	Lakaran lembaran analisis untuk kajian rintis	35
Jadual 3.2	Ringkasan kerangka teori dan data yang akan dianalisis	38
Jadual 4.1	Pemaknaan kasih sayang dalam adegan 1	49
Jadual 4.2	Pemaknaan kasih sayang dalam adegan 2	52
Jadual 4.3	Pemaknaan kasih sayang dalam adegan 3	55
Jadual 4.4	Pemaknaan kasih sayang dalam adegan 4	58
Jadual 4.5	Pemaknaan kasih sayang dalam adegan 5	62
Jadual 4.6	Pemaknaan kasih sayang dalam adegan 6	64
Jadual 4.7	Pemaknaan kasih sayang dalam adegan 7	68
Jadual 4.8	Pemaknaan kasih sayang dalam adegan 8	71
Jadual 4.9	Analisis elemen verbal Profesor Ueno pada Hachiko mengikut <i>Appraisal Theory</i>	75
Jadual 4.10	Analisis elemen bukan verbal Profesor Ueno pada Hachiko mengikut makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972)	78
Jadual 4.11	Pemaknaan kesetiaan dalam adegan 9	81
Jadual 4.12	Pemaknaan kesetiaan dalam adegan 10	83
Jadual 4.13	Pemaknaan kesetiaan dalam adegan 11	87
Jadual 4.14	Pemaknaan kesetiaan dalam adegan 12	90

Jadual 4.15	Analisis elemen bukan verbal Hachiko pada Profesor Ueno mengikut makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972)	92
-------------	--	----

SENARAI LAMPIRAN

	Muka surat	
LAMPIRAN A	Transkripsi berdasarkan skrip filem <i>Hachiko Monogatari</i> dalam bahasa Jepun	102
LAMPIRAN B	Penterjemahan untuk data dalam filem <i>Hachiko Monogatari</i>	152
LAMPIRAN C	Surat pengesahan mengenai transkripsi dan penterjemahan untuk data dalam filem <i>Hachiko Monogatari</i>	161
LAMPIRAN D	Lembaran analisis untuk kajian rintis	162

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Latar belakang kajian

Filem menjadi sebagai salah satu data kajian yang sangat berkesesuaian untuk analisis semiotik. Filem adalah berdasarkan pada bentuk-bentuk simbol visual dan bahasa untuk mengekodkan mesej yang hendak disampaikan. Menurut Van Zoest (1993), filem umumnya dibina dengan tanda-tanda semata-mata di mana tanda-tanda ikonik, iaitu tanda-tanda yang menggambarkan sesuatu digunakan dalam filem. Tanda lain seperti gambar dan suara juga merupakan elemen yang amat penting dalam filem. Filem mengisahkan ceritanya dengan gaya tersendiri, iaitu melalui mediumnya, cara pembuatannya dengan kamera, dan persembahan dengan menggunakan projektor dan skrin.

Sebuah filem Jepun bertajuk *Hachiko Monogatari* (ハチ公物語, secara literalnya “Kisah Hachiko”) yang versi asalnya adalah dalam bahasa Jepun, telah juga dipopularkan dalam versi bahasa Inggeris. Filem *Hachiko Monogatari* adalah sebuah filem yang tragis yang berdasarkan kisah benar tentang seekor anjing yang diberi nama Hachiko yang amat setia kepada tuannya yang bernama Profesor Ueno, walaupun selepas kematian tuannya. Terdapat laporan di laman web Jepun mengatakan bahawa filem ini ditayangkan pada 1 hari bulan Ogos 1987 dan merupakan filem Jepun *box office* tertinggi di mana ia mencapai 20 juta yen pada tahun berkenaan (ulasan *Motion Picture Producers Association of Japan, Inc.*, dicapai dari <http://www.eiren.org/toukei/1987.html>). Pengarah filem *Hachiko Monogatari* versi bahasa Jepun ialah Seijiroo Kooyama.

Selain filem asalnya dalam versi bahasa Jepun, terdapat juga versi dalam bahasa Inggeris. Filem *Hachiko: A Dog's Story* merupakan filem drama Amerika Syarikat yang ditayangkan pada tahun 2009 di mana ceritanya juga diambil daripada kisah benar anjing jenis Akita Inu bernama Hachiko. Filem ini memang merupakan pembuatan ulang daripada filem Jepun *Hachiko Monogatari* yang ditayangkan pada tahun 1987. Pengarah filem *Hachiko: A Dog's Story* versi bahasa Inggeris ialah Lasse Hallstrom, penulis skripnya Stephen P. Lindsey, dan pelakon-pelakonnya termasuk Richard Gere, Joan Allen, Sarah Roemer, Erick Avari, dan Jason Alexander.

Di Amerika Syarikat, tayangan perdana filem *Hachiko: A Dog's Story* ini dilakukan pada 13 hari bulan Jun 2009 sempena *Seattle International Film Festival*. Tayangan perdana filem *Hachiko: A Dog's Story* di luar Amerika Syarikat dilakukan di Jepun pada 8 hari bulan Ogos 2009. Sejak pertengahan tahun 2009 hingga 2010, filem ini sangat laris di pasaran di mana lebih daripada 25 buah negara telah menayangnya. Setakat bulan Jun 2010, jumlah keuntungan daripada *foreign box office* filem *Hachiko: A Dog's Story* ini mencapai AS\$46.7 juta.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji elemen-elemen yang menjadikan filem *Hachiko Monogatari* sungguh berjaya dan disukai ramai terutamanya tentang nilai-nilai yang dibentangkan dalam filem ini.

1.1 Penyataan masalah

Hachiko Monogatari adalah sebuah filem melodramatik dan sensasional yang menceritakan kisah sebenar tentang persahabatan, kasih sayang dan kesetiaan seekor anjing yang diberi nama Hachiko. “Hachi” dalam bahasa Jepun bermaksud lapan, “ko” bermaksud orang atau benda tertentu, dan “monogatari” bermaksud kisah.

Hachiko (ハチ公) (10 November 1923 – 8 Mac 1935) merupakan anjing jantan jenis Akita Inu dilahirkan di sebuah ladang berhampiran bandar Odate, wilayah Akita di Jepun. Hachiko dikenang masyarakat sebagai lambang kesetiaan anjing terhadap tuannya yang bernama Profesor Ueno. Setelah Profesor Ueno meninggal, Hachiko tetap selalu menunggu tuannya yang tidak kunjung pulang selama 10 tahun berterusan di stesen Shibuya, Tokyo, sebelum Hachiko meninggal.

Sebuah tugu peringatan Hachiko telah dibina di depan stesen Shibuya, Tokyo untuk mengenang anjing yang setia ini. Hachiko telah dikenali di Jepun sebagai “Chuken Hachiko” (penterjemahan langsung, iaitu anjing Hachiko yang setia). Tidak kira masyarakat orang Jepun mahupun pengunjung-pengunjung luar negara, apabila ingin mencari tempat untuk berjumpa di Shibuya, mereka akan selalu membuat janji untuk berjumpa di kawasan patung Hachiko kerana tempat itu sememangnya tempat yang dikenali ramai.

Hachiko telah menjadi subjek utama dalam filem *Hachiko Monogatari* versi bahasa Jepun, mahupun filem *Hachiko: A Dog’s Story* versi bahasa Inggeris. Apakah elemen-elemen yang menjadikan filem ini sungguh berjaya dan disukai ramai telah mendorong pengkaji menjalankan kajian ini.

Terdapat ramai penonton yang mengemukakan pendapat dan ulasan mengenai filem *Hachiko Monogatari* di blog masing-masing. Ramai penonton rata-rata meluahkan perasaan bahawa kisah Hachiko ini sangat luar biasa. Ini disebabkan penonton-penonton filem *Hachiko Monogatari* disajikan dengan perasaan cinta dan setia Hachiko terhadap tuannya, dan cara tuannya memelihara dan menjaga Hachiko dengan sebaik-baiknya telah menjadi suatu kombinasi keunikan yang amat mengharukan setiap orang yang menontonnya. Nilai-nilai yang dibentangkan dalam tayangan filem ini telah menambat hati penonton-penonton dengan begitu berjaya.

Carian yang menyeluruh menunjukkan kajian belum pernah dijalankan mengenai filem *Hachiko Monogatari* versi bahasa Jepun, mahupun filem *Hachiko: A Dog's Story* versi bahasa Inggeris dari perspektif semiotik. Adakah nilai-nilai yang dibentangkan dalam filem dapat dikaji melalui analisis semiotik juga merangsang perasaan ingin tahu pengkaji.

Masalah sosial yang berlaku pada masa kini menunjukkan kehilangan nilai-nilai moral seperti kasih sayang dan kesetiaan di kalangan masyarakat. Kenapa filem *Hachiko Monogatari* perlu dikaji? Bagaimana nilai-nilai moral yang dibentangkan dalam filem *Hachiko Monogatari* ini dapat menambat hati penonton-penonton? Adakah filem *Hachiko Monogatari* dapat membantu dalam usaha menyedarkan masyarakat tentang kepentingan nilai-nilai moral? Adakah filem ini sesuai untuk diperkenalkan atau digunakan sebagai bahan pengajaran kepada pelajar-pelajar di sekolah? Semua pernyataan masalah yang timbul telah menjadi pendorong kepada pengkaji menjalankan kajian ini.

1.2 Objektif kajian

Kajian ini dijalankan atas tujuan mengkaji dan menganalisis nilai-nilai yang terkandung dalam filem *Hachiko Monogatari* versi bahasa Jepun dari perspektif semiotik.

Tujuan khusus kajian ini adalah untuk:

- i) Menghuraikan dan menerangkan nilai kasih sayang yang direpresentasikan melalui elemen verbal dan bukan verbal melalui watak Profesor Ueno dalam filem *Hachiko Monogatari*.
- ii) Menghuraikan dan menerangkan nilai kesetiaan yang direpresentasikan melalui elemen bukan verbal melalui watak Hachiko dalam filem *Hachiko Monogatari*.

1.3 Soalan kajian

Kajian ini dijalankan supaya dapat menjawab soalan yang timbul seperti di bawah ini.

- i) Bagaimana nilai kasih sayang direpresentasikan melalui elemen verbal dan bukan verbal melalui watak Profesor Ueno dalam filem *Hachiko Monogatari*?
- ii) Bagaimana nilai kesetiaan direpresentasikan melalui elemen bukan verbal melalui watak Hachiko dalam filem *Hachiko Monogatari*?

1.4 Kepentingan kajian

Carian yang menyeluruh menunjukkan kajian belum pernah dijalankan mengenai filem *Hachiko Monogatari* versi bahasa Jepun, mahupun filem *Hachiko: A Dog's Story* versi bahasa Inggeris dari perspektif semiotik. Pengkaji ingin mengkaji elemen-elemen yang menjadikan filem *Hachiko Monogatari* sebuah filem yang sungguh berjaya dan disukai ramai terutamanya tentang nilai-nilai moral seperti kasih sayang dan kesetiaan yang dibentangkan atau direpresentasikan dalam filem ini dari perspektif semiotik.

Dari pandangan pengkaji, kajian sebegini penting dan sangat bermakna dalam usaha menganalisis dan menyampaikan nilai-nilai yang terkandung dalam filem *Hachiko Monogatari*. Masalah sosial seperti isu pemerdagangan manusia, kes anak membunuh ibu bapa, kes ibu bapa membunuh anak, kes membuang bayi, kes mendera kanak-kanak, kes pasangan hidup berlaku curang dan pelbagai gejala keruntuhan akhlak masyarakat pada masa kini berlaku kerana kehilangan nilai-nilai seperti kasih sayang dan setia di kalangan masyarakat. Pengkaji melihat dari sudut pandangan sebagai seorang guru di sekolah, berpendapat bahawa nilai-nilai kasih sayang dan kesetiaan yang terkandung di dalam filem *Hachiko Monogatari* boleh menjadi bahan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar-pelajar di sekolah melalui mata pelajaran seperti Pendidikan Moral,

subjek Bahasa Jepun dan sebagainya. Pengkaji berfikiran bahawa nilai-nilai seperti kasih sayang dan kesetiaan sepatutnya menjadi iktibar dan harus dicontohi dan disemai dalam hati setiap orang semenjak berada di bangku sekolah lagi.

1.5 Skop dan batasan kajian

Di dalam kajian ini, pengkaji hanya menumpukan fokus kepada filem bertajuk *Hachiko Monogatari* (ハチ公物語, “Kisah Hachiko”) versi bahasa Jepun. Filem *Hachiko Monogatari* dipilih dan digunakan sebagai sampel penganalisisan semiotik, iaitu menganalisis nilai kasih sayang dan kesetiaan yang direpresentasikan melalui elemen verbal dan bukan verbal dalam tayangan filem ini. Kerangka analisis semiotik yang diperkembangkan oleh Charles Sanders Peirce, iaitu Segitiga Makna Semiotik Peirce (*Peirce’s Triadic Semiotic System*) akan digunakan untuk menganalisis filem *Hachiko Monogatari*.

Pengkaji membataskan kajian ini dengan menumpukan pemerhatian terhadap nilai-nilai kasih sayang dan kesetiaan yang terkandung di dalam filem *Hachiko Monogatari* di mana nilai-nilai itu terpapar melalui elemen verbal dan bukan verbal. Dari segi verbal, perkataan atau ayat yang membawa makna kasih sayang dalam filem *Hachiko Monogatari* akan disentuh. Dari segi elemen bukan verbal, bagaimana nilai kasih sayang dan kesetiaan direpresentasikan melalui kontak tubuh (sentuhan badan), kedekatan, ekspresi wajah, *gesture*, postur, dan kontak mata dalam tayangan filem Jepun bertajuk *Hachiko Monogatari* akan diteliti dan dihuraikan.

Anjing Hachiko boleh mengeluarkan bunyi dan suara, tetapi elemen bunyi dan suara binatang tidak dikaji dalam kajian ini. Ini adalah kerana pengkaji berpendapat bahawa kajian bunyi dan suara anjing memerlukan kepakaran yang di luar kemampuan dan keupayaan pengkaji. Pengkaji mendapatkan elemen bukan verbal dalam watak Hachiko

lebih sesuai untuk dikaji. Kesetiaan Hachiko sentiasa terpapar apabila Hachiko selalu duduk diam menunggu tuannya di stesen. Hachiko tidak menyalak atau mengeluarkan bunyi dan suara semasa menunggu tuannya di stesen.

1.6 Kesimpulan

Bab pertama ini telah menerangkan latar belakang kajian ini. Selain daripada itu, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian juga telah dinyatakan. Bab kedua yang selanjutnya akan membentangkan literatur yang penting untuk kajian ini.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Tinjauan literatur yang dapat dikaitkan dengan kajian ini dibincangkan dalam bab ini. Bahagian 2.1 adalah berkenaan dengan pengertian nilai kasih sayang dan ciri-cirinya, sementara bahagian 2.2 menjelaskan pengertian tentang nilai kesetiaan dan ciri-cirinya. Bahagian 2.3 menjelaskan berkenaan representasi. Bahagian 2.4 membincangkan elemen verbal. *Appraisal Theory* (Teori Penilaian) Martin dan White mengenai *attitude* (sikap) yang akan digunakan sebagai panduan analisis (*analytical tools*) nilai kasih sayang yang direpresentasikan melalui elemen verbal dalam filem *Hachiko Monogatari* akan diperkenalkan di sini. Bahagian 2.5 pula membincangkan elemen bukan verbal. Makna bahasa komunikasi bukan lisan yang dikemukakan oleh Michael Argyle (1972) sebagai panduan analisis nilai kasih sayang dan kesetiaan yang direpresentasikan melalui elemen bukan verbal diperkenalkan di sini. Bahagian 2.6 memperkenalkan filem.

2.1 Nilai kasih sayang

Merujuk kepada *Kamus Dewan* edisi yang keempat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), kasih sayang bermaksud cinta kasih atau perasaan belas kasihan. Nilai kasih sayang dapat ditakrifkan sebagai sifat kepekaan dan perasaan cinta, kasih dan sayang seseorang yang mendalam tanpa berbelah bahagi dan berkekalan atau berterusan (tidak berubah) yang lahir daripada hati yang ikhlas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Perasaan kasih sayang adalah perasaan yang muncul di hati yang tulus untuk

menyayangi, mencintai, dan ingin memberi kebahagiaan kepada orang lain, atau sesiapa yang dicintainya. Kasih sayang sepatutnya diungkapkan bukan sahaja kepada kekasih kita, tetapi juga orang tua, ahli keluarga, sahabat kita, masyarakat, serta segala hidupan lain di bumi ini.

Ilfen (2012) mengatakan bahawa nilai kasih sayang amat penting dalam dunia ini. Tanpa kasih sayang, manusia akan terasa kekeringan dalam hidup ini. Setiap orang tentu suka dan ingin dikasihi dan disayangi bermula dari bayi sampai tua.

Nilai kasih sayang yang baik, sebenarnya merupakan sifat memberi, dan bukan menerima, iaitu tidak meminta orang lain berbuat baik terlebih dahulu kepada kita, baru kita membalias kemudian dengan kasih. Kita sepatutnya menaruh kasih dan sayang tanpa syarat. Kasih sayang juga dapat ditakrifkan sebagai perasaan sabar, murah hati, tidak cemburu, kasih yang tidak memegahkan diri dan tidak sompong. Kasih sayang tidak mencari keuntungan diri sendiri, tidak melakukan perbuatan yang tidak sopan, bukan pemarah, tidak membantu orang lain membuat kesalahan, tidak riang hati kerana ketidakadilan, tetapi menegakkan kebenaran. Kasih sayang akan mendorong kita memberi keutamaan kepada orang lain berbanding kepentingan diri sendiri.

Terdapat kajian berkaitan dengan nilai kasih sayang yang banyak dilakukan dengan mengkaji aspek kasih sayang antara ibu bapa dengan anak mereka. Mengikut kepada kajian-kajian Woodward dan Bahr (1978), Mohd. Reduan (1990), dan Maimun (1991) menunjukkan aspek kasih sayang antara ibu bapa dengan anak telah dihubungkaitkan dengan perbuatan menyalahgunakan dadah. Dalam kajian Streit et al (1974), Eldred dan Brown (1974) turut mendapati sebilangan besar penagih dadah berpendapat bahawa ibu bapa mereka kurang atau tidak memberi kasih sayang terhadap mereka. Manakala Wan Asiah Wan Ismail (2003) mengatakan bahawa kurangnya kasih sayang dan komunikasi yang berkesan antara ibu bapa dengan anak telah mengakibatkan gejala sosial berlaku.

Ada kajian mengenai nilai cinta kasih dalam filem yang telah dilakukan oleh sarjana yang lain. Antaranya seperti Intan Fitriani (2014) yang telah mengkaji nilai cinta kasih yang terkandung di dalam tayangan filem yang bertajuk Habibie dan Ainun.

Di dalam kajian ini, pengkaji akan membuat analisis tentang nilai kasih sayang antara seekor binatang dan tuannya yang dibentangkan dalam filem *Hachiko Monogatari*. Pengkaji mendapati bahawa nilai kasih sayang direpresentasikan dalam tayangan filem ini melalui watak Profesor Ueno dengan baik sekali. Pengamalan nilai kasih sayang Profesor Ueno dapat dilihat melalui perlakuannya yang memelihara dan menjaga haiwan peliharaan dengan sebaik-baiknya. Selain watak Profesor Ueno, terdapat watak sampingan juga iaitu seorang penjual sate ayam yang turut menunjukkan perasaan kasih sayang terhadap anjing peliharaan Profesor Ueno.

2.1.1 Ciri-ciri kasih sayang

Merujuk kepada *Kamus Dewan* edisi keempat dan Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, serta buku-buku rujukan Pendidikan Moral, pengkaji menyimpulkan ciri-ciri kasih sayang seperti berikut.

- a) Kasih sayang adalah sifat kepekaan dan perasaan cinta kasih yang mendalam dan berkekalan terhadap seseorang atau sesuatu.
- b) Perasaan kasih dan sayang lahir daripada hati yang ikhlas dan suci tanpa paksaan.
- c) Seseorang yang memiliki sifat kasih sayang tidak akan menganiayai manusia, mengancam haiwan atau alam sekeliling.
- d) Sesiapa yang memiliki sifat kasih sayang tidak akan mempunyai perasaan benci, iri hati, syak wasangka, hasad dengki, dan berdendam dengan orang lain.

- e) Kasih sayang seseorang akan membawa ketenteraman dan keamanan dalam kehidupan diri dan orang lain yang berada di sekelilingnya.
- f) Perasaan kasih sayang boleh menyebabkan seseorang itu sanggup berkorban untuk memperjuangkan sesuatu dengan penuh kesungguhan dan kemantapan hati tanpa dipengaruhi oleh emosi dan persekitaran.
- g) Perasaan kasih sayang boleh ditunjukkan dengan sikap yang tidak mementingkan diri sendiri, saling membantu dan menyayangi sesama manusia, termasuk memelihara hidupan di dunia ini.
- h) Seseorang yang memiliki sifat kasih sayang sentiasa prihatin terhadap orang lain atau sesuatu.
- i) Seseorang yang memiliki sifat kasih sayang akan menghargai nyawa diri sendiri dan juga orang lain.
- j) Tidak melakukan penderaan dan pembunuhan terhadap manusia dan hidupan lain.

Ciri-ciri yang disenaraikan akan dijadikan panduan dalam mengenal pasti elemen kasih sayang dalam data kajian ini.

2.2 Nilai kesetiaan

Merujuk kepada *Kamus Dewan* edisi yang keempat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), kesetiaan ditakrifkan sebagai perihal setia, ketaatan atau keteguhan hati (dalam hal perkahwinan, persahabatan dan lain-lain). Setia membawa maksud berpegang teguh (pada janji dan lain-lain), patuh dan taat. Nilai kesetiaan juga dapat ditakrifkan sebagai sifat atau ciri kepatuhan dan kesetiaan yang berkekalan dan tidak berubah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Terdapat ramai sarjana barat yang telah menjalankan kajian tentang kesetiaan tetapi banyak tertumpu kepada kesetiaan yang ditunjukkan oleh pekerja terhadap organisasi. Antaranya ialah kajian Buchanan (1974), Cook dan Wall (1980), Katz (1996) mengatakan dengan tegas bahawa kesetiaan pekerja terhadap organisasi dapat dilihat sebagai perasaan sayang kepada organisasi, pekerja mempunyai perasaan dipunyai oleh organisasi, dan berkeinginan untuk kekal dalam organisasi berkenaan. Kajian tentang kesetiaan pekerja terhadap organisasi juga dijalankan oleh Zakaria Ismail dan Zafir Mohd. Makhbul (2000), serta Othman Ahmad (1997) di negara kita. Dalam kajian mereka menjelaskan bahawa konsep kesetiaan pekerja terhadap organisasi perlu dilihat daripada pelbagai aspek dan terdapat banyak faktor penentu yang mempengaruhi kesetiaan pekerja telah dikenal pasti.

Di dalam kajian ini, pengkaji akan meneliti nilai kesetiaan yang direpresentasikan seekor anjing yang diberi nama Hachiko (ハチ公) terhadap tuannya dalam filem *Hachiko Monogatari*. Nilai kesetiaan jelas kelihatan apabila Hachiko menemani tuannya ke stesen dan menunggu tuannya pulang dari kerja di stesen Shibuya setiap hari semasa tuannya masih hidup. Selepas tuannya meninggal, Hachiko tetap meneruskan kebiasaannya dengan menunggu tuan yang tidak muncul selama 10 tahun di stesen Shibuya, Tokyo. Perlakuan Hachiko ini jelas menunjukkan Hachiko amat sayang, rindu, dan berkeinginan untuk kekal menunggu kepulangan tuannya.

Daniel Pandapotan S. (2016) menyifatkan kesetiaan dan perbuatan atau perihal mengabdi yang ditunjukkan anjing amat serupa dengan konsep manusia berhubungan dengan nilai cinta dan persahabatan. Pertalian rapat antara manusia dan anjing telah menjadi popular melampaui mitos, legenda, lukisan atau patung mulai zaman silam.

Banyak kajian telah dilakukan ke atas anjing. Hasil kajian memperlihatkan anjing dapat memahami pemikiran manusia. Menurut Victoria Stilwell (2016, ms. 13), anjing boleh memahami gerak isyarat manusia, membaca niat manusia, membuat kesimpulan,

dan sensitif kepada penumpuan dan emosi manusia. Selain daripada itu, anjing juga dapat memahami kata-kata yang mudah dan meniru bahasa badan manusia. Anjing juga mungkin dapat menjawai emosi manusia. Semua ini penting dalam memahami bagaimana anjing telah berkembang bukan sahaja menjadi spesies haiwan ternakan yang paling berjaya di dunia ini, tetapi juga paling rapat dan menjadi sahabat tersayang manusia. Maka tidak hairan apabila ada orang yang membuat pernyataan bahawa anjing adalah teman terbaik manusia. Umumnya, terdapat pernyataan bahawa anjing merupakan kawan paling setia kepada manusia (“*dogs are man’s best friend*”).

2.2.1 Ciri-ciri kesetiaan

Berpandukan kepada *Kamus Dewan* edisi keempat dan beberapa rujukan yang lain, pengkaji menyimpulkan ciri-ciri kesetiaan seperti berikut.

- a) Mempunyai sikap kepatuhan yang berkekalan kepada seseorang atau sesuatu.
- b) Bersifat kesetiaan yang berkekalan kepada seseorang atau sesuatu.
- c) Sentiasa menurut atau tidak mengingkari (perintah, peraturan dan lain-lain).
- d) Tidak membantah sebarang suruhan, perintah dan lain-lain.
- e) Melakukan tugas atau sesuatu dengan bersungguh-sungguh.
- f) Tidak berlaku curang dan lurus hati.
- g) Bersifat jujur dan tulus ikhlas.
- h) Teguh hati (dalam hal kepercayaan, kesetiaan, persahabatan, pendirian dan lain-lain).
- i) Tetap hati.
- j) Mempunyai sikap atau pendirian mahupun perasaan yang bersefahaman, bersepakat, dan bersatu hati.
- k) Tidak berbelah bagi.

Ciri-ciri kesetiaan yang disenaraikan akan dijadikan panduan dalam mengenal pasti elemen setia dalam kajian ini.

2.3 Representasi

Representasi dapat didefinisikan sebagai perbuatan mewakili, keadaan diwakili atau perwakilan, gambaran. Perkataan ‘representasi’ secara lebih tepat ditakrifkan sebagai penggunaan tanda-tanda seperti gambar, suara, dan sebagainya bagi memaparkan semula sesuatu yang dicerap, dirasakan atau dibayangkan dalam bentuk fizikal. Maka dalam teori semiotik, proses pemaknaan idea, mesej atau pengetahuan secara fizikal disebut sebagai representasi. Representasi penting dalam pembentukan sesuatu makna. Konsep ‘representasi’ selalu diguna dalam menggambarkan hubungan antara teks media dengan realiti, dan merupakan bentuk konkret yang berasal daripada konsep abstrak.

Stuart Hall (1997) berhujah bahawa representasi perlu difahami dari segi peranan aktif dan kreatif seseorang dalam memahami dunia. Representasi merupakan pertalian antara konsep pemikiran dan bahasa yang membolehkan pembaca memperlihatkan dunia yang sebenarnya dari sesuatu objek, realiti, atau dunia khayalan tentang objek rekaan, manusia atau peristiwa.

Dalam kajian-kajian lepas, Nurkholis (2011) telah menjalankan kajian tentang representasi nasionalisme dalam olahraga yang terkandung di dalam filem Garuda Di Dadaku. Manakala Abdul Rozak (2013) dalam kajiannya menganalisis representasi perempuan dalam filem yang bertajuk 7 Hati 7 Cinta 7 Wanita.

Dalam kajian ini, representasi yang dimaksudkan oleh pengkaji adalah penampilan semula tanda-tanda kasih sayang dan kesetiaan yang wujud dalam filem *Hachiko Monogatari* melalui elemen verbal dan bukan verbal.

2.4 Elemen verbal

Berpandukan kepada *Kamus Dewan* edisi yang keempat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), elemen adalah sesuatu yang menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan unsur. Verbal sesungguhnya merupakan pernyataan lisan antara manusia melalui kata-kata dan simbol umum yang telah diterima pakai antara individu, kelompok, bangsa dan negara. Elemen verbal di dalam kajian ini merujuk kepada komunikasi verbal atau bahasa verbal yang dilafazkan oleh watak-watak dalam filem *Hachiko Monogatari*. Komunikasi verbal atau bahasa verbal merupakan cara utama untuk seseorang menyatakan pemikiran, perasaan, dan sebagainya. Komunikasi verbal dapat disimpulkan sebagai komunikasi yang menggunakan kata-kata secara lisan dan dilakukan oleh orang untuk berhubung dengan orang yang lain.

Komponen-komponen komunikasi verbal termasuk suara, kata-kata, bercakap dan bahasa. Sebagai contoh, semasa seorang bayi baru dilahirkan, bayi menangis menunjukkan komunikasi mereka. Dari tangisan akan berkembang menjadi kata-kata apabila bayi mencapai peringkat kanak-kanak.


Halliday dan Matthiessen (2004) mengatakan bahawa kata-kata atau tulisan seseorang adalah teks. Teks tersebut merujuk pada apa sahaja bahasa yang ada. Bahasa sentiasa hadir sebagai teks. Teks bukan hanya dalam bentuk kata atau ayat sahaja. Semasa kita menyusun teks, bukanlah kata-kata atau ayat yang akan menjadi fokus kita, tetapi makna yang ingin kita sampaikan melalui kata-kata atau ayat. Oleh itu, kewujudan kata dan ayat itu ditentukan oleh makna yang menjadi fokus daripada teks itu.

Ngo Sheau Shi dan Harith Baharudin (2015) dalam kajian mereka telah menganalisis elemen verbal yang terkandung di dalam filem Muallaf. Di dalam kajian ini, pengkaji akan menghuraikan dan menerangkan nilai kasih sayang yang direpresentasikan melalui elemen verbal dalam filem *Hachiko Monogatari*, iaitu dari pertuturan watak-watak

penting dalam filem ini. Perkataan atau ayat yang membawa makna kasih sayang dalam filem *Hachiko Monogatari*" akan dikumpul dan diuraikan.

2.4.1 *Appraisal Theory* (Teori Penilaian) Martin dan White mengenai *attitude* (sikap)

Appraisal Theory (Teori Penilaian) merupakan teori yang dibangunkan untuk mengenal pasti kata-kata seperti apa yang membolehkannya mengandungi nilai, baik yang bernilai positif mahupun negatif, dan oleh kerana itu, ia merupakan penilaian (Thomson, 2008). J. R. Martin dan P. R. R. White (2005, ms. 1) mengatakan bahawa *Appraisal Theory* (Teori Penilaian) adalah berkenaan dengan Linguistik Sistemik Fungsional model M. A. K. Halliday berserta rakannya, dan *Appraisal Theory* (Teori Penilaian) ini merupakan salah satu daripada tiga sumber utama wacana semantik yang menjelaskan makna interpersonal (ms. 34).



Rajah 2.1: Rangka *Appraisal System*

(Martin & White, 2005, ms. 38)

Rajah 2.1 menunjukkan rangka *Appraisal System*. Terdapat tiga subsistem dalam rangka *Appraisal System*, iaitu *engagement*, *attitude*, dan *graduation* (ms. 35). Martin dan White (2005) menjelaskan bahawa *attitude* (sikap) adalah mengenai perasaan kita termasuk tindak-tanduk atau reaksi seseorang terhadap sesuatu emosi, perbuatan atau proses menilai kelakuan atau perilaku. Walau bagaimanapun, *engagement* (*sourcing attitudes*) menumpukan perhatian kepada sumber sikap yang berasal daripada penulis/ penutur, atau selain daripada penulis/ penutur (Martin & White, 2005, ms. 35). *Engagement* (sumber dari *attitudes*) dapat dibahagi kepada dua, iaitu *monogloss* dan *heterogloss* dalam konteks komunikasi menunjukkan kesediaan dan kesanggupan penutur dalam berkongsi nilai kedudukannya dengan membenarkan orang lain untuk mencelah (memotong percakapan) dalam konteks komunikasi (Martin & White, 2005, ms. 92-93). Martin dan White (2005, ms. 35) menegaskan bahawa *graduation* melayan fenomena penggredan dengan perasaan dikuatkan (“*graduation attends to grading phenomena whereby feelings are amplified and categories blurred*”). *Graduation* dibahagi dua, iaitu *force* dan *focus*.

Dalam kajian ini, *Appraisal Theory* (Teori Penilaian) yang dikemukakan Martin dan White (2005) akan digunakan sebagai panduan semasa menghuraikan dan menerangkan nilai kasih sayang yang direpresentasikan melalui elemen verbal dalam filem *Hachiko Monogatari*. Jenis *appraisal system*, iaitu *attitude* (sikap) yang terdiri daripada *affect* (perasaan orang) akan diberikan tumpuan semasa perbincangan dalam menyampaikan kandungan. Ini adalah disebabkan *affect* berkaitan dengan perasaan seseorang. Penilaian yang berkaitan dengan penulis/ pembaca iaitu bagaimana penilaian mereka secara emosional terhadap seseorang, benda, atau sesuatu yang sedang berlaku. Contohnya dalam ungkapan “I love Marry” merupakan *affect* (perasaan) positif yang disampaikan secara langsung dengan penggunaan kata ‘*love*’ yang bererti cinta. Ungkapan “I love Marry” merujuk kepada perasaan kasih cinta, iaitu perasaan positif yang ingin

disampaikan oleh penutur. Oleh itu, aspek *engagement*, dan *graduation* tidak akan disentuh dalam kajian ini.

2.4.1.1 Attitude (sikap)

Attitude (sikap) adalah berkenaan dengan perasaan kita, termasuk tindak balas terhadap emosi, pertimbangan tingkah laku, dan penilaian terhadap sesuatu (Martin & White, 2005, ms. 35). Ia meliputi emosi, etika dan estetika (ms. 42). Emosi adalah berkenaan dengan tindak balas kepada tingkah laku, teks, proses dan fenomena. Etika adalah berkaitan dengan penilaian kepada tingkah laku, manakala estetika adalah berkenaan dengan penilaian teks, proses dan fenomena. *Attitude* (sikap) dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu *affect* (perasaan orang), *judgement* (watak orang), dan *appreciation* (nilai sesuatu).

2.4.1.1.1 Affect (perasaan orang)

Affect (perasaan orang) membicarakan sumber untuk menjelaskan reaksi emosi (Martin & White, 2005, ms. 35). Menurut Martin dan White (2005, ms. 49), *affect* (perasaan orang) boleh diklasifikasikan kepada tiga kumpulan utama seperti berikut:

1. “*un/happiness*” (ketidaksenangan/ senang hati)
2. “*in/security*” (ketidakamanan/ keamanan)
3. “*dis/satisfaction*” (ketidakpuasan/ kepuasan)

... *The un/happiness variable covers emotions concerned with ‘affairs of the heart’ – sadness, hate, happiness and love; the in/security variable covers emotions concerned with ecosocial well-being – anxiety, fear, confidence and*

trust; the dis/satisfaction variable covers emotions concerned with telos (the pursuit of goals) – ennui, displeasure, curiosity, respect (ms. 49).

Ketiga-tiga kumpulan *affect* (perasaan orang) ditunjukkan dalam Jadual 2.1, Jadual 2.2, Jadual 2.3 dan Jadual 2.4 di bawah.

Jadual 2.1: *Affect- un/ happiness* (Martin & White, 2005, ms. 49)

UN/HAPPINESS	Surge (of behaviour)	Disposition
unhappiness misery [mood: 'in me']	whimper cry wail	down [low] sad [median] miserable [high]
antipathy [directed feeling: 'at you']	rubbish abuse revile	dislike hate abhor
happiness cheer	chuckle laugh ² rejoice	cheerful buoyant jubilant
affection	shake hands hug embrace	be fond of love adore

Jadual 2.2: *Affect- in/ security* (Martin & White, 2005, ms. 50)

IN/SECURITY	Surge (of behaviour)	Disposition
insecurity disquiet	restless twitching shaking	uneasy anxious freaked out
surprise	start cry out faint	startled jolted staggered
security confidence	declare assert proclaim	together confident assured
trust	delegate commit entrust	comfortable with confident in/about trusting

Jadual 2.3: *Affect- dis/ satisfaction* (Martin & White, 2005, ms. 51)

DIS/SATISFACTION	Surge (of behaviour)	Disposition
dissatisfaction ennui	fidget yawn tune out	flat stale jaded
displeasure	caution scold castigate	cross, bored with angry, sick of furious, fed up with
satisfaction interest	attentive busy industrious	involved absorbed engrossed
pleasure	pat on the back compliment reward	satisfied, impressed pleased, charmed chuffed, thrilled


Jadual 2.4: *Affect* (Martin & White, 2005, ms. 51)

Affect	Positive	Negative
dis/inclination	miss, long for, yearn for	wary, fearful, terrorised
un/happiness	cheerful buoyant, jubilant; like, love, adore	sad, melancholy, despondent; cut-up, heart-broken ... broken-hearted, heavy-hearted, sick at heart; sorrowful ... grief-stricken, woebegone ... dejected ...; dejected, joyless, dreary, cheerless, unhappy, sad; gloomy, despondent, ... downcast, low, down, down in the mouth, depressed ...; weepy, wet-eyed, tearful, in tears ...
in/security	together, confident, assured; comfortable, confident, trusting	uneasy, anxious, freaked out; startled, surprised, astonished
dis/satisfaction	involved, absorbed, engrossed; satisfied, pleased, chuffed/ impressed, charmed, thrilled	flat, stale, jaded; cross, angry, furious; bored with, sick of, fed up with

Berdasarkan jadual, dapat disimpulkan bahawa *affect* (perasaan orang) adalah tentang penilaian baik positif maupun negatif yang berkaitan dengan perasaan penutur/lawan tutur terhadap sesuatu yang dibincangkan. Daripada jadual, *dis/ inclination* (keengganan/ kecenderungan) bermaksud rasa takut dan rasa ingin. *Un/ happiness* (ketidaksenangan/ senang hati) bermaksud rasa sedih dan senang hati. *In/ security* (ketidakamanan/ keamanan) bermaksud rasa gelisah dan kebolehpercayaan. *Dis/ satisfaction* (ketidakpuasan/ kepuasan) bermaksud rasa kecewa, lega dan puas.

Affect (perasaan orang) dikategorikan menjadi positif dan negatif. Ini adalah berkaitan dengan sifat yang baik atau buruk berhubungan dengan sikap dan emosi. *Affect* (perasaan orang) juga boleh dibuktikan dengan dua cara, iaitu secara langsung (*direct*) dan tidak langsung (*implicit*) (Martin & Rose, 2003; Martin & Rose, 2007,

ms.29) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.2 dan Jadual 2.5 di bawah. Perasaan orang yang disampaikan secara langsung terbahagi menjadi *emotional state* dan *physical expression*. Perasaan yang disampaikan secara langsung terlihat dari segi penggunaan kata-kata yang berkaitan dengan emosi. Perasaan orang yang disampaikan secara tidak langsung terbahagi menjadi *extraordinary behaviour* dan *metaphor*.



Rajah 2.2: *System Network of Appraisal*

(Martin & Rose, 2003)

Jadual 2.5: *Options for Affect* (Martin & Rose, 2003, ms. 28)

OPTION FOR AFFECT		EXAMPLES
Positive		<i>We were ecstatic</i> <i>We even celebrated</i>
Negative		<i>I was torn into pieces</i> <i>I can't explain the pain and bitterness in me....</i>
Direct	Emotional state	<i>Ecstatic</i> <i>Wild consuming fear</i>
	Physical expression	<i>Withdrawn</i> <i>Shake uncontrollably</i>
Implicit	Extraordinary behavior	<i>Wander from window to window</i> <i>Rolls this way, that side of the bed</i>
	Metaphor	<i>Ice cold in a sweltering night</i> <i>Eyes... dull like the dead</i>

Perasaan yang disampaikan secara tidak langsung dapat dilihat daripada tindak-tanduk atau reaksi seseorang terhadap sesuatu yang menggambarkan sifat atau sikapnya yang tidak biasa dalam menyampaikan emosi seperti perubahan suara dan gerak tubuh. Di dalam penelitian yang berkaitan dengan tingkah laku, apabila tidak yakin dengan apa perasaan yang sebenarnya ingin disampaikan, pendekatan secara psikologi boleh digunakan dalam penyelesaian masalah.

2.5 Elemen bukan verbal

Elemen bukan verbal dalam kajian ini merujuk kepada elemen bahasa bukan verbal. Bahasa bukan verbal merupakan bahasa komunikasi bukan lisan yang melibatkan kontak tubuh (sentuhan badan), kedekatan, ekspresi wajah, *gesture*, postur, dan kontak mata. Bahasa bukan verbal amat penting kerana dapat menyampaikan mesej atau pesanan yang sukar dilahirkan melalui pertuturan maupun tulisan.

Muhammad Zainury (2013) dalam disertasi sarjananya menggunakan analisis semiotik Charles Sanders Peirce dalam mengkaji filem “Tanah surga... katanya” yang didasarkan pada tanda bukan verbal (visual) yang menggambarkan nasionalisme di wilayah pulau Kalimantan. Mesej yang terkandung di dalamnya memberi sindiran terhadap kerajaan yang kurang mengambil berat terhadap masyarakat di sekitar kawasan sempadan dan masyarakat Indonesia secara umumnya. Nasionalisme warga sempadan perlu dipertaruhkan dengan pengaruh budaya dan ekonomi negara Malaysia yang sangat utuh.

Di dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji dan menghuraikan elemen bukan verbal iaitu kontak tubuh (sentuhan badan), kedekatan, ekspresi wajah, *gesture*, postur, dan kontak mata dalam merepresentasikan nilai kasih sayang dan kesetiaan yang terkandung di dalam filem *Hachiko Monogatari*.

2.5.1 Bahasa komunikasi bukan lisan menurut Michael Argyle (1972)

Michael Argyle (1972) amat terkenal dengan pemberian makna kepada bahasa badan (bahasa bukan verbal). Artikel Michael Argyle (1972) yang berjudul “*Non-verbal communication in human sosial interaction*” telah menjadi rujukan yang penting kepada penyelidik-penyelidik dalam kajian mengenai bahasa bukan verbal. Di dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan makna bahasa komunikasi bukan lisan yang dikemukakan oleh Michael Argyle (1972) sebagai panduan analisis nilai kasih sayang dan kesetiaan yang direpresentasikan melalui elemen bukan verbal dalam filem *Hachiko Monogatari*.

2.5.1.1 Kontak tubuh (sentuhan badan)

Siapa yang disentuh oleh kita, di mana, dan bila kita menyentuhnya, boleh membawa mesej penting berkaitan dengan hubungan. Walau bagaimanapun, kod ini nyata kelihatan berbeza di kalangan manusia yang pelbagai latar belakang dan budaya. Orang Inggeris saling menyentuh satu sama lain lebih kerap jika dibandingkan dengan orang daripada budaya Asia.

2.5.1.2 Kedekatan

Seberapa dekat kita mendekati seseorang boleh memberi mesej tentang hubungan kita dengan orang tersebut. Ini dapat dilihat sebagai ‘ciri-ciri tertentu’ yang dapat membezakan jarak antara personal dengan jelas. Jarak dalam lingkungan tiga kaki membawa makna intim (mesra dan rapat). Jarak tiga hingga lapan kaki membawa makna personal. Jarak lebih daripada lapan kaki membawa makna semi publik dan seterusnya. Jarak yang sebenarnya barangkali berbeza daripada satu budaya dengan budaya yang lain. Bagi orang Arab, jarak personal (tiga hingga lapan kaki) dianggap

tidak intim. Bagi orang Inggeris pula, jarak yang lebih dekat daripada lapan belas inci akan menjadi amat sukar.

2.5.1.3 Ekspresi wajah

Ekspresi wajah boleh diterangkan daripada beberapa subkod seperti kedudukan kening, bentuk mata, bentuk mulut, saiz lubang hidung dan sebagainya. Semua itu, di dalam pelbagai kombinasi akan menentukan ekspresi wajah, dan membolehkannya untuk menulis ‘tata bahasa’ daripada kombinasi dan makna yang muncul daripada pelbagai subkod berkenaan. Hal yang menarik, ekspresi wajah menunjukkan variasi budaya yang paling sedikit berbanding dengan kod-kod bahasa komunikasi bukan lisan yang lain.

2.5.1.4 Gesture

Tangan dan jari adalah transmitemer utama *gesture*, di samping *gesture* kaki dan kepala. *Gesture-gesture* tersebut akan berkoordinasi baik dengan bahasa/ percakapan, dan menjadi pelengkap komunikasi verbal. *Gesture* dapat menunjukkan emosi umum atau emosi tertentu. Gerakan naik turun yang nyata dan kerap kali biasanya menunjukkan usaha mendominasi/ menguasai, sementara *gesture* yang kontinuiti dan berlingkar menunjukkan hasrat untuk memberi penjelasan atau mendapat simpati. Selain *gesture* yang bersifat indeksikal, terdapat kumpulan *gesture* yang bersifat simbolik. *Gesture-gesture* simbolik kadang kala terjadi daripada perbuatan menghina dan khusus untuk sesuatu budaya atau subbudaya tertentu. Tanda V adalah salah satu contoh. Jenis *gesture* yang ikonik adalah seperti memberi isyarat, atau menggunakan tangan untuk menjelaskan sebuah bentuk atau arah.

2.5.1.5 Postur

Cara kita berdiri, duduk atau berbaring boleh menyampaikan makna secara terhad tetapi penting. Postur sering kali dikaitkan dengan sikap interpersonal. Hubungan persahabatan, keramahan, superioriti/ keunggulan, atau inferioriti (keadaan lebih rendah dari segi sosial dan sebagainya) boleh ditunjukkan melalui postur. Postur juga boleh menunjukkan keadaan emosi, seperti tahap tekanan atau relaksasi. Postur adalah kurang dapat dikawal jika dibandingkan dengan ekspresi wajah. Sebagai contoh, kebimbangan yang tidak kelihatan pada wajah, boleh dilihat melalui postur badan.

2.5.1.6 Kontak mata

Bila, seberapa kerap dan berapa lama kita menatap mata seseorang merupakan salah satu cara dalam penyampaian mesej penting mengenai hubungan, terutama berkaitan keinginan kita mengenai seberapa dominan atau afiliasi di dalam hubungan yang terjalin. Apabila seseorang memandang atau memperhatikan seseorang yang lain dengan sungguh-sungguh, ini adalah cabaran sederhana untuk mendominasi/ menguasai seseorang. Seseorang yang bermain mata dengan seseorang yang lain, menunjukkan hasrat seseorang untuk berafiliasi atau ingin mewujudkan perhubungan dengan seseorang yang lain.

Seseorang yang melakukan kontak mata sejak awal pada permulaan pernyataan verbal, menunjukkan hasrat seseorang untuk mendominasi/ menguasai pendengar, dan membuat mereka memberi perhatian. Kontak mata pada akhir atau selepas pernyataan verbal menunjukkan hubungan yang lebih afiliatif, hasrat seseorang untuk memperoleh maklum balas atau melihat reaksi pendengar.

2.6 Filem

Filem boleh diguna untuk menyampaikan mesej tertentu. Berbagai-bagai bentuk ekspresi, pemikiran, idea, konsep, perasaan, suara hati daripada seseorang atau sekumpulan manusia dapat digambarkan dalam filem. Kebanyakan filem merupakan cerita fiksyen, tetapi ada juga yang berdasarkan fakta kisah benar. Namun begitu, kadangkala filem yang diadaptasi daripada kisah benar telah diubah suai secara dramatik.

Terdapat filem dokumentari di mana gambar-gambarnya diambil secara asli dan benar. Filem biografi menceritakan kisah seorang tokoh. Ada banyak genre filem yang disukai ramai seperti filem *action*, seram, komedi, roman, fantasi, drama, cereka sains, *crime*, dokumentari dan sebagainya. Semuanya mempunyai ciri-ciri tertentu dan berbeza antara satu sama lain.

Filem sebagai suatu kesatuan yang terdiri daripada *shot*, *sequence*, dan cerita filem yang saling berkaitan antara satu sama lain sehingga menjadi sajian tontonan yang menarik kepada khalayak ramai. Filem bukan sahaja sebagai satu media audio-visual tetapi juga mempunyai pengaruh yang kuat terhadap penontonnya. Secara umum, filem mempunyai fungsi sebagai alat penyalur informasi, mendidik, menghibur dan mempengaruhi orang yang menontonnya.

Dalam sebuah filem, tidak hanya terjadi komunikasi verbal melalui bahasa yang dilafazkan oleh watak-watak melalui dialog, tetapi juga terjadi komunikasi bukan verbal yang terpapar melalui bahasa gambar yang berupa isyarat-isyarat dan ekspresi watak-watak dalam filem.

Terdapat banyak kajian lepas yang dijalankan mengenai pelbagai jenis filem. Abdul Rozak (2013) dalam disertasi sarjananya, mengkaji bagaimana perempuan direpresentasikan dalam filem 7 Hati 7 cinta 7 wanita. Analisis semiotik pada filem berkenaan memperlihatkan makna perempuan dalam kehidupan.

Di dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji elemen-elemen yang menjadikan filem *Hachiko Monogatari* sebuah filem yang sungguh berjaya dan digemari ramai terutamanya tentang nilai-nilai yang dibentangkan dalam filem ini.

2.7 Kesimpulan

Literatur yang dapat dikaitkan dengan kajian ini telah dibincangkan dalam bab ini. Definisi nilai kasih sayang dan kesetiaan berserta ciri-ciri telah dijelaskan. Gambaran tentang representasi juga telah dijelaskan. Elemen verbal dan bukan verbal telah diperkenalkan. Panduan analisis nilai kasih sayang dan kesetiaan yang direpresentasikan melalui elemen verbal dan bukan verbal yang akan digunakan dalam kajian ini, iaitu *Appraisal Theory* (Teori Penilaian) Martin dan White mengenai *attitude* (sikap), dan makna bahasa komunikasi bukan lisan yang dikemukakan oleh Michael Argyle (1972) juga telah diperkenalkan. Selain itu, filem juga telah dijelaskan. Bab yang seterusnya akan membincangkan metodologi kajian ini. Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini akan dibincangkan secara spesifik dalam bab yang berikutnya.

BAB 3

METODOLOGI

3.0 Pengenalan

Metodologi kajian ini dibincangkan dalam bab ini. Bahagian 3.1 memperkenalkan teori semiotik Charles Sanders Peirce yang digunakan dalam kajian ini. Bahagian 3.2 membincangkan reka bentuk kajian. Bahagian 3.3 menerangkan pengumpulan data dan bahagian 3.4 menerangkan prosedur analisis data. Sinopsis filem *Hachiko Monogatari* dinyatakan di akhir bab ini, iaitu bahagian 3.5.

3.1 Teori semiotik Charles Sanders Peirce

Kerangka teori kajian ini menggunakan teori semiotik Peirce, iaitu Segitiga Makna Semiotik Peirce atau dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *Peirce's Triadic Semiotic System* yang dikembangkan oleh Charles Sanders Peirce (10 September 1839 - 19 April 1914).

Peirce dikenali dengan konsep triadik dan trikotominya. Peirce menjelaskan ada tiga komponen utama dalam tanda, iaitu perwakilan (*Representamen, R*), objek (*O*) dan interpretasi (*I*) dalam segitiga semiotiknya. Tanda dianggap sebagai perwakilan untuk menerangkan sesuatu berdasarkan prinsip tersebut. Pengertian sebuah tanda boleh terjadi dengan cara individu, sosial maupun bergantung kepada konteks yang ada kaitannya. Perwakilan (*Representamen, R*) mempunyai fungsi sebagai tanda. Secara teorinya, Peirce telah menggunakan perkataan “perwakilan” (*Representamen, R*) untuk merujuk kepada triadik pada keseluruhannya. Namun begitu perkataan “tanda” (*Sign*) ada


kalanya digunakan sebagai ganti kepada istilah “perwakilan” (*Representamen, R*) secara terminologi (yang berkaitan dengan istilah).

Perwakilan (*Representamen, R*) adalah perkataan yang diguna pakai oleh Peirce supaya dapat memperkatakan bahawa “objek yang boleh dirasakan” mempunyai fungsi sebagai tanda (Peirce dalam Noth, 2006, ms. 42). Disebabkan itu perwakilan (*Representamen, R*) ialah tanda itu sendiri. Ahli semiotik seperti Charles Morris (1955) menggunakan bahasa sendirinya menyebut perwakilan sebagai *sign vehicle*. Ferdinand De Saussure (1857 - 1913) mengungkap perwakilan sebagai *signifier*. Louis Hjelmselv (1899 - 1965) mengatakan perwakilan sebagai ekspresi. Maka kita dapat memahami bahawa perwakilan (*Representamen, R*) boleh menjadi sebagai sebuah persepsi kepada sesuatu yang diwakilinya, iaitu objek. Ringkas kata, perwakilan (*Representamen, R*) merupakan sesuatu yang merepresentasikan sesuatu yang lain.

Objek (*O*) merupakan sesuatu yang diwakili (Zaimar, 2008, ms. 4) atau sesuatu yang direpresentasikan. Objek boleh berupa material, atau sesuatu yang berhubungan dengan persepsi, atau sekadar imaginasi, atau berkenaan dengan rohaniah akan kebenaran tanda mahupun pemikiran (Peirce dalam Noth, 2006, ms. 43). Objek berupa material boleh merujuk kepada sesuatu benda atau manusia. Sementara objek yang mempunyai sifat imaginasi atau berkenaan dengan rohaniah boleh terdiri daripada sebuah ungkapan.

Zaimar (2008) menyatakan bahawa interpretasi (*I*) merupakan tanda yang tertera di dalam fikiran diri penerima selepas memandang perwakilan (*Representamen, R*). Oleh itu, interpretasi (*I*) adalah perihal memahami erti yang timbul dalam diri penerima tanda. Sebagai contoh, jika objek (*O*) ialah warna merah dalam bendera yang berwarna merah putih, dengan sebab itu perwakilan (*Representamen, R*) ialah keberanian, dan interpretasi (*I*) dari warna merah tersebut ialah tidak berasa takut mengambil risiko.

Tanda (*Sign*)/ Perwakilan (*Representamen, R*)



Rajah 3.1: Segitiga Makna Semiotik Peirce

Menurut Peirce (1986, ms. 5 & 6), sebuah perwakilan (*Representamen, R*) atau tanda adalah sesuatu (“sesuatu” itu boleh mewakili apa sahaja) yang mewakili sesuatu yang lain baik dalam beberapa hal ataupun kapasiti. Sesuatu yang lain bermaksud pemaknaan atau erti yang timbul di dalam pemikiran kita semasa berhadapan dengan “sesuatu” yang pertama. Sesuatu yang lain itu disebut interpretasi (*I*) daripada tanda yang pertama, seterusnya merujuk pada objek. Dengan demikian sebuah perwakilan (*Representamen, R*) atau tanda mempunyai pertalian triadik langsung dengan interpretasi (*I*) dan objeknya (*O*).

Apa yang disebut sebagai proses semiosis merupakan suatu proses yang menggabungkan entiti yang disebut sebagai perwakilan (*Representamen, R*) tadi dengan entiti lain yang disebut sebagai objek (*O*). Proses semiosis ini kadangkala disebut sebagai signifikasi (*signification*).

Proses semiosis seperti yang digambarkan pada skema di atas menghasilkan rangkaian hubungan yang tidak berkesudahan, maka pada gilirannya sebuah interpretasi (*I*) akan menjadi sebuah perwakilan (*Representamen, R*), kemudian menjadi interpretasi (*I*) semula, menjadi perwakilan (*Representamen, R*) lagi dan seterusnya. Umberto Eco

dan Jacques Derrida (Budiman, 2004, ms. 26) merumuskan rangkaian hubungan yang tidak berkesudahan sebagai proses semiosis tanpa batas (*unlimited semiosis*). Perkara yang paling penting dalam proses semiosis ialah macam mana pemaknaan timbul dari sebuah tanda apabila tanda berkenaan digunakan orang sewaktu berkomunikasi.

Pada tahap objek, Peirce membahagi tanda kepada tiga, iaitu ikon, indeks dan simbol. Ketiga-tiga tanda ini dapat menyumbang kepada pemahaman teks seseorang. Ikon merupakan tanda yang mirip dengan objek yang diwakilinya, iaitu berfungsi sebagai penanda yang menyerupai petanda dalam sesuatu aspek atau cara. Penanda dilihat sebagai menyerupai atau meniru petanda. Contohnya, foto Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang terkini adalah ikon Perdana Menteri. Gambar Hachiko (seekor anjing) dalam slaid filem *Hachiko Monogatari* adalah ikon seekor anjing.

Indeks adalah penanda tidak arbitrarji tetapi dihubungkan kepada petanda dalam sesuatu cara sama ada secara fizikal atau berdasarkan sebab tertentu. Contohnya, tempat duduk Hachiko dalam filem *Hachiko Monogatari* menunggu tuannya yang dilapis salji adalah indeks bahawa masa itu ialah musim sejuk. Asap merupakan tanda indeks wujudnya api. Bekas tapak kaki di kawasan lumpur merupakan tanda indeks adanya manusia atau binatang yang lalu di kawasan lumpur itu.

Sementara simbol mempunyai hubungan arbitrarji dengan penanda dan petanda. Makna masih diperolehi melalui simbol yang dikenal pasti secara abstrak atau logik. Seseorang penterjemah makna memahami simbol melalui pengetahuan dan pengalaman, makna harus dipelajari dan dipersetujui. Contohnya, lampu merah sebagai tanda larangan (berhenti memandu) adalah berpandukan kepada pengetahuan dan pengalaman dalam kehidupan masyarakat kita. Burung merpati dianggap masyarakat sebagai simbol atau lambang perdamaian, di mana burung merpati tidak akan diganti begitu sahaja oleh jenis burung atau haiwan yang lain.

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kerangka teori semiotik yang diperkembangkan oleh Charles Sanders Peirce, iaitu Segitiga Makna Semiotik Peirce (*Peirce's Triadic Semiotic System*) untuk menganalisis filem *Hachiko Monogatari*.

3.2 Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan satu penyelidikan kualitatif yang menggunakan pendekatan deskriptif. Analisis semiotik terhadap tanda-tanda dibuat dengan menggunakan teori Charles Sanders Peirce (1839 - 1914) di mana kaedah yang memberikan huraihan akan digunakan untuk menginterpretasikan data.

Teori Charles Sanders Peirce (1839 - 1914), iaitu Segitiga Makna Semiotik Peirce (*Peirce's Triadic Semiotic System*) dipilih kerana konsep tradik ini sentiasa berusaha mencari bagaimana makna muncul daripada sebuah tanda ketika tanda itu digunakan orang semasa berkomunikasi. Hasil analisis data daripada tanda-tanda signifikan yang terdapat dalam filem *Hachiko Monogatari* inilah yang akan menjadi landasan kepada penyampaian mesej mengenai nilai-nilai kasih sayang dan kesetiaan yang terkandung dalam filem *Hachiko Monogatari*.

3.3 Pengumpulan data

Data untuk kajian ini ialah filem *Hachiko Monogatari* versi bahasa Jepun. Filem *Hachiko Monogatari* versi bahasa Jepun dipilih sebagai bahan kajian kerana filem ini pernah menjadi sangat popular disebabkan berkisah benar tentang seekor anjing yang diberi nama Hachiko. Masa tayangan untuk filem ini adalah selama 1 jam 47 minit 23 saat. Walau bagaimanapun, data yang dikaji adalah selama 10 minit 18 saat daripada jumlah 12 adegan yang telah dipilih daripada hasil dapatan

kajian rintis antara pengkaji bersama dengan dua orang *coder* yang lain. Filem *Hachiko Monogatari* ini asalnya menggunakan bahasa Jepun, kemudian diolah dan diterbitkan dalam versi yang baru dengan menggunakan bahasa Inggeris.

3.4 Prosedur analisis data

Analisis data untuk kajian ini melibatkan dua fasa. Fasa pertama, iaitu menganalisis nilai kasih sayang yang direpresentasikan melalui elemen verbal dan bukan verbal dalam filem *Hachiko Monogatari*. Elemen verbal dianalisis berpandukan *Appraisal Theory* (Teori Penilaian) (Martin & White, 2005; Martin & Rose, 2003) mengenai *attitude* (sikap). Elemen bukan verbal dianalisis berpandukan makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972). Fasa kedua pula menganalisis nilai kesetiaan yang direpresentasikan melalui elemen bukan verbal dalam filem *Hachiko Monogatari*. Elemen bukan verbal untuk representasi kesetiaan juga dianalisis berpandukan makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972).

Analisis data dijalankan berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan dalam bahagian 1.2 untuk menjawab soalan kajian yang telah dinyatakan dalam bahagian 1.3. Sebelum menganalisis data, kajian rintis dilakukan oleh pengkaji bersama dengan dua orang *coder* yang lain. Dua orang *coder* ini merupakan orang dewasa di bawah umur 40 tahun, berbangsa Cina, dan tidak pernah tahu tentang ilmu semiotik. Dua orang *coder* ini dilantik dan diberi lembaran analisis seperti dalam Lampiran D. Maka data yang dikumpul merupakan data yang mencapai persetujuan antara pengkaji bersama dengan dua orang *coder*. Setelah data dikumpul, data akan dianalisis dengan menggunakan kerangka teori yang dipilih. Berdasarkan analisis data, dapatan kajian dibincangkan. Akhirnya, kesimpulan dan cadangan kajian masa depan dibuat berdasarkan hasil dapatan kajian.

3.4.1 Langkah-langkah analisis data

Kajian ini melakukan analisis semiotik bagi menganalisis tanda-tanda yang signifikan iaitu nilai kasih sayang dan kesetiaan yang direpresentasikan melalui elemen verbal dan bukan verbal yang terkandung dalam filem *Hachiko Monogatari*. Kerangka teori semiotik yang diperkembangkan oleh Charles Sanders Peirce, iaitu Segitiga Makna Semiotik Peirce (*Peirce's Triadic Semiotic System*) akan digunakan untuk menganalisis filem *Hachiko Monogatari*.

Langkah-langkah analisis filem berdasarkan Teori Peirce adalah seperti berikut:

- a) Pengkaji bersama dua orang *coder* yang lain menonton tayangan filem Jepun bertajuk *Hachiko Monogatari* dari awal hingga akhir.
- b) Pengkaji bersama dua orang *coder* akan meneliti dan memilih adegan iaitu bahagian dalam filem yang memaparkan nilai-nilai kasih sayang dan kesetiaan.
- c) Pengkaji bersama dua orang *coder* akan mengenal pasti sama ada adegan yang dipilih itu menunjukkan nilai kasih sayang atau kesetiaan melalui kajian rintis. Dalam kajian rintis, pengkaji bersama dua orang *coder* akan diberikan lembaran analisis. Lakaran lembaran analisis adalah seperti dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Lakaran lembaran analisis untuk kajian rintis

Adegan	Imej/ Elemen Verbal/ Elemen Bukan Verbal	Nilai	
		Kasih sayang	Kesetiaan
1.	(Imej adegan akan ditunjukkan dalam lajur ini.) (Dialog/ perbualan watak-watak akan ditunjukkan dalam lajur ini.) (Elemen bahasa bukan verbal akan dinyatakan dalam lajur ini.)	Setuju/ Tidak setuju (Pengkaji bersama dua orang <i>coder</i> yang lain akan menandakan setuju atau tidak mengenai nilai yang dipaparkan dalam adegan ini.)	Setuju/ Tidak setuju (Pengkaji bersama dua orang <i>coder</i> yang lain akan menandakan setuju atau tidak mengenai nilai yang dipaparkan dalam adegan ini.)

Jadual 3.1, sambungan


Adegan	Imej/ Elemen Verbal/ Elemen Bukan Verbal	Nilai	
		Kasih sayang	Kesetiaan
2. 			

(Untuk rujukan pengkaji)

- Imej, elemen verbal, dan elemen bukan verbal akan menjadi “objek” dalam analisis teori Segitiga Makna Semiotik Peirce
- Nilai yang dikenal pasti akan menjadi “Perwakilan” (*Representamen*) dalam analisis teori Segitiga Makna Semiotik Peirce

- d) Penganalisisan adegan-adegan yang dipilih itu sama ada menunjukkan nilai kasih sayang atau kesetiaan antara pengkaji bersama dengan dua orang *coder* akan dirumuskan oleh pengkaji.
- e) Pengkaji mengklasifikasikan tiap-tiap adegan mengikut nilai kasih sayang dan kesetiaan yang telah dikenal pasti oleh pengkaji bersama dengan dua orang *coder*.
- f) Secara kasar, pengkaji juga telah dapat mengenal pasti Objek (*O*), dan Perwakilan (*Representamen*, *R*) dalam analisis Segitiga Makna Semiotik Peirce untuk tiap-tiap adegan adalah merupakan persetujuan antara pengkaji dengan dua orang *coder*.

Tanda (*Sign*)/ Perwakilan (*Representamen, R*)
Kasih sayang/ Kesetiaan (ada persetujuan antara pengkaji dan dua orang *coder*)



Objek (*Object, O*)

Imej, elemen verbal, atau elemen bukan verbal adegan berkenaan (ada persetujuan antara pengkaji dan dua orang *coder*)


Interpretasi (*Interpretant, I*)

Pengkaji akan membuat interpretasi bagaimana makna muncul daripada sebuah tanda/ perwakilan berpandukan ciri-ciri kasih sayang atau kesetiaan. Interpretasi pengkaji juga disokong dengan *Appraisal Theory* (Teori Penilaian) (Martin & White, 2005; Martin & Rose, 2003), di samping makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972)

Rajah 3.2: Analisis Segitiga Makna Semiotik Peirce untuk tiap-tiap adegan

- g) Pengkaji membuat analisis dan menginterpretasikan tiap-tiap adegan yang mencakupi elemen verbal mahupun bukan verbal dengan menggunakan Segitiga Makna Semiotik Peirce (*Peirce's Triadic Semiotic System*), iaitu perwakilan (*Representamen, R*), objek (*O*) dan interpretasi (*I*).
- h) Dari pada hasil analisis, pengkaji akan membuat rumusan bahawa filem *Hachiko Monogatari* memaparkan representasi kasih sayang dan kesetiaan melalui elemen verbal dan bukan verbal yang terkandung dalam filem ini. Jadual 3.2 di bawah meringkaskan kerangka teori dan analisis data kajian ini.


Jadual 3.2: Ringkasan kerangka teori dan data yang akan dianalisis

Objektif kajian/ Soalan kajian	Kerangka teori	Data yang akan dianalisis
1	<p>Representasi kasih sayang:</p> <p>Segitiga Makna Semiotik Peirce (<i>Peirce's Triadic Semiotic System</i>)</p>  <p>Tanda (<i>Sign</i>)/ Perwakilan (<i>Representamen, R</i>):</p> <p>Kasih sayang</p> <p>Objek (<i>O</i>):</p> <p>Imej, elemen verbal, dan elemen bukan verbal</p>	<p>A. Representasi kasih sayang profesor Ueno pada Hachiko</p> <p>Adegan 1: Kali pertama Profesor Ueno bertemu dengan Hachiko</p> <p>Adegan 2: Hachiko diberi nama</p> <p>Adegan 3: Profesor Ueno menasihati pekerja lelaki supaya tidak mempermain-mainkan Hachiko</p> <p>Adegan 4: Profesor Ueno membuat keputusan muktamad memelihara Hachiko</p>

Jadual 3.2, sambungan

Objektif kajian/ Soalan kajian	Kerangka teori	Data yang akan dianalisis
	<p>Interpretasi (<i>I</i>):</p> <p>Pengkaji akan membuat interpretasi bagaimana makna muncul daripada sebuah tanda/perwakilan berpandukan ciri-ciri kasih sayang yang dihuraikan dalam bab 2. Interpretasi pengkaji juga disokong dengan <i>Appraisal Theory</i> (Teori Penilaian) (Martin & White, 2005; Martin & Rose, 2003), di samping makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972)</p>	<p>Adegan 5: Profesor Ueno biar Hachiko berjalan-jalan di taman</p> <p>Adegan 6: Profesor Ueno membantu menangkap kutu Hachiko</p> <p>Adegan 7: Profesor Ueno mandi bersama dengan Hachiko</p> <p>Adegan 8: Profesor Ueno mendukung Hachiko masuk ke rumah pada malam berhujan ribut</p>

Jadual 3.2, sambungan

Objektif kajian/ Soalan kajian	Kerangka teori	Data yang akan dianalisis
2	<p>Representasi kesetiaan:</p> <p>Segitiga Makna Semiotik Peirce (<i>Peirce's Triadic Semiotic System</i>)</p>  <p>Tanda (<i>Sign</i>)/ Perwakilan (<i>Representamen, R</i>): Kesetiaan</p> <p>Objek (<i>O</i>): Imej, dan elemen bukan verbal</p>	<p>A. Representasi kesetiaan Hachiko pada profesor Ueno</p> <p>Adegan 9: Hachiko menemani Profesor Ueno pergi ke stesen Shibuya pada siang hari</p> <p>Adegan 10: Hachiko menjemput Profesor Ueno yang pulang dari kerja di stesen Shibuya</p> <p>Adegan 11: Hachiko menjemput Profesor Ueno pulang dari kerja semasa hari hujan</p>

Jadual 3.2, sambungan

Objektif kajian/ Soalan kajian	Kerangka teori	Data yang akan dianalisis
	<p>Interpretasi (<i>I</i>):</p> <p>Pengkaji akan membuat interpretasi bagaimana makna muncul daripada sebuah tanda/perwakilan berpandukan ciri-ciri kesetiaan yang dihuraikan dalam bab 2. Interpretasi pengkaji juga disokong dengan makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972)</p>	<p>Adegan 12: Hachiko menjemput Profesor Ueno pulang dari kerja semasa musim bersalji</p>

3.4.2 Aplikasi penggabungan teori

Selepas pendekatan kajian ditentukan, pengkaji membuat transkripsi yang penuh dan lengkap berdasarkan skrip filem Jepun bertajuk *Hachiko Monogatari* dalam bahasa Jepun. Transkripsi ini kemudian diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh pengkaji. Transkripsi dalam bahasa Jepun dan penterjemahan dalam bahasa Melayu disemak oleh seorang pensyarah bahasa Jepun yang berpengalaman dan menguasai kedua-dua bahasa ini. Surat pengesahan mengenai transkripsi dan penterjemahan untuk data dilampirkan (Lampiran C) untuk rujukan.

Selanjutnya adegan-adegan dalam filem *Hachiko Monogatari* dipilih untuk menjadi data yang sesuai digunakan sebagai landasan kepada penyampaian mesej mengenai nilai-nilai kasih sayang dan kesetiaan yang terkandung dalam filem ini. Untuk memastikan kebolehpercayaan dapatan daripada data yang dianalisis, pengkaji menyediakan lembaran analisis dan mendapat maklum balas daripada dua orang *coder* yang lain. Maklum balas atau sebarang percanggahan pendapat tentang penganalisan data antara pengkaji dengan dua orang *coder* dirumuskan oleh pengkaji dalam bab data analisis dan perbincangan.

Pemilihan data dilakukan dengan memperhatikan elemen verbal dan bukan verbal dalam filem ini. Dari segi elemen verbal, dialog watak-watak dilihat. Ini disebabkan dialog adalah bahasa dan bahasa adalah simbol untuk manusia menyatakan sesuatu. Penelitian terhadap elemen verbal dan bukan verbal baik tersurat mahupun tersirat yang menyumbang kepada pemaknaan kasih sayang dan kesetiaan di dalam filem *Hachiko Monogatari* akan diuraikan dan diterangkan dalam kajian ini.

Pemaknaan kasih sayang dan kesetiaan dalam kajian ini dikenal pasti oleh pengkaji berpandukan ciri-ciri kasih sayang dan kesetiaan yang telah dirumuskan daripada pelbagai jenis rujukan. Pengkaji akan menganalisis tanda-tanda kasih sayang dan

kesetiaan yang terdapat dalam filem *Hachiko Monogatari* melalui adegan-adegan yang merangkumi elemen verbal mahupun bukan verbal dengan mengaplikasikan kaedah analisis semiotik Charles Sanders Peirce yang mengemukakan Segitiga Makna Semiotik Peirce (*Peirce's Triadic Semiotic System*). Pengkaji juga akan menggunakan *Appraisal Theory* (Teori Penilaian) (Martin & White, 2005; Martin & Rose, 2003) mengenai *attitude* (sikap), di samping makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972) untuk menyokong interpretasi yang dibuat. Berdasarkan hasil interpretasi, pengkaji membuat kesimpulan keseluruhan mengenai representasi kasih sayang dan kesetiaan yang terkandung di dalam filem *Hachiko Monogatari*.

3.5 Sinopsis filem *Hachiko Monogatari*

Filem *Hachiko Monogatari* adalah sebuah filem yang berkisah benar tentang seekor anjing jenis Akita Inu yang diberi nama Hachiko. Hachiko (ハチ公) (10 November 1923 – 8 Mac 1935) merupakan seekor anjing jantan yang dilahirkan di sebuah ladang berhampiran bandar Odate, wilayah Akita di Jepun. Tuan Hachiko adalah seorang profesor yang bernama Profesor Ueno.

Hubungan antara Hachiko dan Profesor Ueno adalah sangat rapat. Profesor Ueno boleh mandi berendam bersama-sama dengan Hachiko di kolam mandi. Semasa air hujan turun pada waktu malam, Profesor Ueno membawa Hachiko masuk ke dalam rumah, tidur bersama dengan Hachiko sambil memeluknya di ruang bacaan. Hachiko menemani Profesor Ueno ke stesen Shibuya dan menunggu tuannya pulang dari kerja di stesen setiap hari. Semasa Hachiko pergi menyambut tuannya pulang dari kerja, Hachiko selalu duduk berdekatan dengan pintu keluar, menunggu sehingga tuannya pulang dari kerja. Hachiko tidak mengenal akan hujan atau salji, ia pergi ke stesen dan menunggu tuannya pulang setiap hari.

Menjelang hari kematian tuannya, seperti biasa Hachiko menemani tuannya pergi ke stesen, dan kembali ke rumah selepas itu. Tetapi pada hari berkenaan, Hachiko tiba-tiba lari ke sana ke mari, kelihatan amat gelisah. Hachiko menghampiri isteri tuannya dan menarik bajunya. Pada ketika itu, Hachiko berkemungkinan mempunyai perasaan hati akan terjadi sesuatu yang tidak baik pada tuannya. Malang sekali, pada waktu itu Profesor Ueno mendapat serangan jantung secara tiba-tiba semasa mengajar di dewan kuliah. Profesor Ueno jatuh dan pengsan lalu meninggal dunia.

Semenjak Profesor Ueno meninggal dunia, isteri Profesor Ueno berpindah ke rumah anak perempuan dan menantunya. Hachiko dititipkan kepada keluarga Hashida di Asakusa. Hachiko mlarikan diri dari Asakusa dan kembali ke rumah Profesor Ueno. Namun rumah Profesor Ueno telah dibeli oleh keluarga Maekawa yang tidak suka anjing. Ume yang berada berdekatan rumah Profesor Ueno pada masa itu terkejut melihat Hachiko dan terus membawanya ke rumah anak perempuan Profesor Ueno sambil memberitahu Hachiko bahawa rumah Profesor Ueno telah dibeli orang lain. Isteri Profesor Ueno terperanjat melihat Hachiko dan setelah membersihkan Hachiko, dia sekali lagi membawa Hachiko ke Asakusa untuk dititipkan kepada keluarga Hashida. Apabila tiba di keluarga Hashida, Hashida marah kerana Hachiko mlarikan diri lagi dengan mematahkan rantai yang mengekangnya. Isteri Profesor Ueno meminta maaf dan menitipkan Hachiko sekali lagi. Tetapi tidak lama kemudian, Hachiko mlarikan diri lagi dan kembali ke rumah Profesor Ueno. Ume yang melihat Hachiko setiap kali pulang ke rumah Profesor Ueno berasa belas kasihan dan membawa Hachiko pulang ke rumahnya.

Setelah beberapa hari Hachiko tinggal di rumah Ume, isteri Profesor Ueno datang ke rumah Ume. Dia terkejut melihat Hachiko berada di rumah Ume. Isteri Profesor Ueno datang untuk minta diri kerana dia akan pulang ke rumah ibunya di Akita. Isteri Profesor Ueno tidak biasa tinggal bersama anak perempuannya kerana perlu mengikut

menantunya Moriyama ke London kerana tugasnya. Isteri Profesor Ueno meminta Ume untuk menjaga Hachiko. Ume dan isteri Ume sanggup menjaga Hachiko. Tetapi tidak lama kemudian, Ume mendapat serangan jantung dan jatuh lalu meninggal dunia. Isteri Ume yang akan pulang ke kampung halamannya terpaksa meninggalkan Hachiko sebatang kara.

Setelah Hachiko ditinggalkan oleh orang-orang yang mencintainya, Hachiko mula hidup sebatang kara dan tidak mempunyai tempat untuk pulang. Tetapi Hachiko tetap selalu datang ke stesen Shibuya menunggu tuannya pulang. Seorang pemilik warung sate di depan stesen yang bernama Tome selalu melihat Hachiko duduk di depan pintu keluar stesen. Tome berasa sedih melihat Hachiko yang begitu setia, tidak mengenal cuaca sejuk, mahupun hari hujan, tetap menunggu tuannya yang sudah tiada.

Kehadiran Hachiko di stesen tersebut menarik minat seorang wartawan untuk menulis artikel mengenainya. Secara tidak sengaja artikel tersebut dibaca oleh isteri Profesor Ueno yang berada di Akita. Isteri Profesor Ueno terus datang dari Akita ke Tokyo untuk menemui Hachiko. Isteri Profesor Ueno berfikir kenapa Ume meninggalkan Hachiko sedangkan dia sudah menitipkan Hachiko kepadanya. Tetapi setelah dia pergi ke rumah Ume dia baru mengetahui bahawa Ume telah meninggal dunia. Pada malam itu, isteri Profesor Ueno membawa Hachiko mencari penginapan. Jarang ada hotel yang boleh membenarkan orang membawa anjing. Tetapi terdapat penginapan kecil dekat stesen yang sanggup menyewakan bilik kepada isteri Profesor Ueno. Setelah dimandikan dan diberi makan, Hachiko terus menghilangkan diri pada malam itu. Isteri Profesor Ueno tidak dapat mencari Hachiko dan akhirnya dia pun pulang ke Akita. Padahal saat itu Hachiko bersembunyi dekat stesen. Hachiko tidak berani menghampiri isteri Profesor Ueno kerana takut akan dititipkan lagi ke rumah orang lain.

Musim terus berganti dan musim sejuk kembali datang. Pada waktu itu salji turun, dan Hachiko datang ke stesen seperti biasa. Di sana tiada orang yang dikenali, tetapi tiba-tiba Hachiko ternampak seolah-olah ada orang yang dikenali keluar dari pintu keluar stesen. Ternyata orang tersebut adalah tuannya yang telah lama ditunggu-tunggu. Hachiko terus mengangkat kakinya dan berlari menuju ke arah tuannya. Dalam mimpi, Profesor Ueno menepuk kepala Hachiko dengan lembutnya. Tidak lama kemudian, badan Hachiko yang kurus dekil terkulai layu dan tidak boleh bergerak lagi.

3.6 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan metodologi kajian. Selain kerangka teori semiotik Charles Sanders Peirce yang digunakan dalam kajian ini, reka bentuk kajian dan pengumpulan data juga telah diterangkan dalam bab ini. Prosedur yang terlibat dalam analisis data juga telah dijelaskan. Data analisis dan perbincangan akan dibentangkan dalam bab yang berikutnya.

BAB 4

DATA ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini, sampel kajian dianalisis untuk mengkaji representasi kasih sayang dan kesetiaan dalam filem *Hachiko Monogatari*. Kaedah menganalisis data dengan menggunakan bentuk jadual adalah untuk memudahkan pemahaman dan perbincangan. Bahagian 4.1 membentangkan data analisis dan perbincangan mengenai representasi kasih sayang, manakala bahagian 4.2 membentangkan data analisis dan perbincangan mengenai representasi kesetiaan dalam sampel kajian. Bahagian 4.3 pula menerangkan maklum balas hasil daripada analisis kajian rintis.

4.1 Representasi kasih sayang dalam filem *Hachiko Monogatari*

Representasi kasih sayang dalam filem *Hachiko Monogatari* boleh dilihat daripada dua orang watak dalam filem, iaitu seorang watak utama dan seorang watak sampingan. Profesor Ueno merupakan watak utama dalam filem, dan seorang penjual sate ayam merupakan watak sampingan dalam filem.

4.1.1 Data analisis representasi kasih sayang

Data analisis dalam bentuk jadual memaparkan representasi kasih sayang melalui elemen verbal dan bukan verbal dalam filem *Hachiko Monogatari*. Data yang dianalisis dipilih daripada hasil dapatan kajian rintis antara pengkaji bersama dengan dua orang *coder* yang lain.

4.1.1.1 Representasi kasih sayang Profesor Ueno pada Hachiko

Watak Profesor Ueno diteliti melalui elemen verbal dan bukan verbal yang menunjukkan sikap dan perasaan kasih sayang kepada Hachiko. Dalam mengaplikasikan teori Segitiga Makna Semiotik Peirce (*Peirce's Triadic Semiotic System*), elemen verbal dan bukan verbal yang dilihat pada Profesor Ueno akan menjadi objek (*object, O*) yang dirujuk, membawa tanda (*sign*)/ perwakilan (*representamen, R*) kasih sayang. Interpretasi (*interpretant, I*) pengkaji terhadap pemaknaan kasih sayang adalah berpandukan ciri-ciri kasih sayang yang diuraikan dalam bahagian 2.1.1, di samping *Appraisal Theory* (Teori Penilaian) (Martin & White, 2005; Martin & Rose, 2003) mengenai *attitude* (sikap), dan makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972).

Untuk memahami pemaknaan kasih sayang Profesor Ueno pada Hachiko dalam setiap adegan yang dikaji, pembaca perlu melihat atau membaca kolumn objek terlebih dahulu, diikuti kolumn perwakilan, dan akhir sekali ialah kolumn interpretasi.

4.1.1.1 Adegan 1: Kali pertama Profesor Ueno bertemu dengan Hachiko

Jadual 4.1: Pemaknaan kasih sayang dalam adegan 1

Objek (<i>Object, O</i>)	Perwakilan (<i>Representamen, R</i>)	Interpretasi (<i>Interpretant, I</i>)
<p>*Elemen verbal dan bukan verbal dilihat pada Profesor Ueno merupakan objek yang dirujuk</p> <p>Imej (lihat dari kiri ke kanan):</p> 	Kasih sayang	<p>Analisis elemen verbal mengikut Appraisal Theory:</p> <p>Jenis <i>affect</i> (perasaan): Positif. Perasaan <i>happiness (affection)</i>. Tidak langsung (<i>implicit</i>), dan metafora (<i>metaphor</i>)</p> <p>Profesor Ueno meminta pembantu rumah mengambilkan susu, dan menyampaikan perasaan gembira secara tidak langsung dengan mengatakan “Minumlah...” menunjukkan kegembiraan dan kasih sayang beliau terhadap binatang kecil. Perasaan kasih sayang Profesor Ueno merupakan perasaan yang positif, tetapi secara tidak langsung.</p>

Jadual 4.1, sambungan

Objek (<i>Object, O</i>)	Perwakilan (<i>Representamen, R</i>)	Interpretasi (<i>Interpretant, I</i>)
<p>*Elemen verbal dan bukan verbal dilihat pada Profesor Ueno merupakan objek yang dirujuk</p> <p>7  8 </p> <p>9  10 </p> <p>(Masa: 18.34 – 19.27)</p> <p>Elemen verbal pada Profesor Ueno (objek): Profesor: Kenapa dengan anak anjing ni? Pergi ambil susu. Pembantu rumah: Ya. Encik Kiku: Kenapa buat macam ni... Kasihan... Profesor: Agaknya perjalanan terlalu jauh ni. Isteri profesor: Makanya saya kan dah bagitau... tak payah ambil anak anjing ni. Encik Kiku: Profesor, dah mati ni... Profesor: Hmm... cuba tengok, masih hiduplah, Kiku.</p>		<p>Analisis elemen bukan verbal mengikut makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972):</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kontak tubuh: Tiada sentuhan badan b) Kedekatan: Jarak intim (dekat) c) Ekspresi wajah: Ada senyuman dan gembira apabila melihat Hachiko minum susu d) <i>Gesture</i>: Ambil susu dan menyusui Hachiko e) Postur: Berdiri dekat dan membongkokkan badan melihat Hachiko f) Kontak mata: Profesor memandang Hachiko <p>Ada gerakan badan yang mendekati anak anjing, dan gerakan tangan yang menyusu menunjukkan perasaan kasih sayang terhadap binatang.</p>

Jadual 4.1, sambungan

Objek (<i>Object, O</i>)	Perwakilan (<i>Representamen, R</i>)	Interpretasi (<i>Interpretant, I</i>)
<p>*Elemen verbal dan bukan verbal dilihat pada Profesor Ueno merupakan objek yang dirujuk</p> <p>Encik Kiku: Aah... masih hidup... hahaha...</p> <p>Profesor: Minumlah... hahaha...</p> <p>Elemen bukan verbal pada Profesor Ueno (objek): Mendekati dan menyusu anak anjing.</p>		<p>Interpretasi:</p> <p>Profesor Ueno (objek) memiliki ciri-ciri sifat kasih sayang dan prihatin terhadap binatang.</p>

4.1.1.2 Adegan 2: Hachiko diberi nama

Jadual 4.2: Pemaknaan kasih sayang dalam adegan 2

Objek (<i>Object, O</i>)	Perwakilan (<i>Representamen, R</i>)	Interpretasi (<i>Interpretant, I</i>)
<p>*Elemen verbal dan bukan verbal dilihat pada Profesor Ueno merupakan objek yang dirujuk</p> <p>Imej (lihat dari kiri ke kanan):</p>      	Kasih sayang	<p>Analisis elemen verbal mengikut Appraisal Theory:</p> <p>Jenis <i>affect</i> (perasaan): Positif. Perasaan <i>happiness (affection)</i>. Tidak langsung (<i>implicit</i>), dan metafora (<i>metaphor</i>)</p> <p>Profesor Ueno menceritakan bahawa anak anjing tidak boleh tiada nama, lalu memikirkan dan memberikan nama kepada anak anjing. Ini berkaitan dengan <i>attitudes</i> baik Profesor Ueno yang mengambil berat terhadap anak anjing. Perasaan ini merupakan perasaan positif, tetapi secara tidak langsung kerana penggunaan kata-kata yang tidak menyatakan perasaan yang sebenarnya.</p>

Jadual 4.2, sambungan

Objek (<i>Object, O</i>)	Perwakilan (<i>Representamen, R</i>)	Interpretasi (<i>Interpretant, I</i>)
<p>*Elemen verbal dan bukan verbal dilihat pada Profesor Ueno merupakan objek yang dirujuk</p> <p>7  8 </p> <p>9 </p> <p>(Masa: 24.57 – 25.42)</p> <p>Elemen verbal pada Profesor Ueno (objek):</p> <p>Profesor: Hmm... Macam mana keadaan anak anjing? Wah, dah nampak sihat... Hmm... Nampaknya kamu belum ada nama lagi...</p> <p>Chizuko: Ayah, janganlah letak nama Gonsuke lagi tu...</p>		<p>Analisis elemen bukan verbal mengikut makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972):</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kontak tubuh: Ada sentuhan badan b) Kedekatan: Jarak intim (dekat) c) Ekspresi wajah: Ada senyuman dan gembira apabila melihat Hachiko d) Gesture: Tangan sentuh dagu Hachiko e) Postur: Berjalan mendekati dan bercangkung terus melihat dan menyentuh Hachiko f) Kontak mata: Profesor mempunyai kontak mata dengan Hachiko <p>Profesor Ueno mendekati dan sentuh anak anjingnya dengan perasaan kasih sayang.</p>

Jadual 4.2, sambungan

Objek (<i>Object, O</i>)	Perwakilan (<i>Representamen, R</i>)	Interpretasi (<i>Interpretant, I</i>)
<p>*Elemen verbal dan bukan verbal dilihat pada Profesor Ueno merupakan objek yang dirujuk</p> <p>Profesor: Kamu tidak boleh tiada nama. Nampaknya kaki hadapan ni terbentuk seperti angka lapan... Hmm... Letak saja nama Hachi... Angka lapan yang melebar ke hujung... Bagaimana, Hachiko?</p> <p>Chizuko: Hachi.</p> <p>Profesor: Hei... hei... Hachi!</p> <p>Elemen bukan verbal pada Profesor Ueno (objek): Profesor Ueno mendekati dan sentuh anak anjingnya lalu memikirkan nama yang sesuai untuk anak anjingnya.</p>		<p>Interpretasi:</p> <p>Profesor Ueno memiliki ciri-ciri sifat kasih sayang dan prihatin terhadap binatang.</p>

4.1.1.3 Adegan 3: Profesor Ueno menasihati pekerja lelaki supaya tidak mempermain-mainkan Hachiko

Jadual 4.3: Pemaknaan kasih sayang dalam adegan 3

Objek (<i>Object, O</i>)	Perwakilan (<i>Representamen, R</i>)	Interpretasi (<i>Interpretant, I</i>)
<p>*Elemen verbal dan bukan verbal dilihat pada Profesor Ueno merupakan objek yang dirujuk</p> <p>Imej (lihat dari kiri ke kanan):</p>  <p>1 </p> <p>2 </p> <p>3 </p> <p>4 </p> <p>5 </p> <p>6 </p>	Kasih sayang	<p>Analisis elemen verbal mengikut Appraisal Theory:</p> <p>Jenis <i>affect</i> (perasaan): Positif. Perasaan <i>unhappiness (dislike)</i> dan <i>happiness (affection)</i>. Tidak langsung (<i>implicit</i>), dan metafora (<i>metaphor</i>)</p> <p>Profesor Ueno tidak suka pekerja lelaki yang mempermain-mainkan anak anjing. Beliau menasihati pekerja lelaki supaya berfikir demi anak anjing, lalu memesan supaya berikan makanan kepada anak anjing. Perasaan sayang kepada anak anjing tidak dinyatakan secara langsung, tetapi tersembunyi di sebalik kata-kata yang disebutkan. Maka perasaan ini merupakan perasaan yang positif.</p>

Jadual 4.3, sambungan

Objek (<i>Object, O</i>)	Perwakilan (<i>Representamen, R</i>)	Interpretasi (<i>Interpretant, I</i>)
<p>*Elemen verbal dan bukan verbal dilihat pada Profesor Ueno merupakan objek yang dirujuk</p> <p>7</p> <p>8</p> <p>9</p> <p>10</p> <p>11</p> <p>(Masa: 33.17 – 33.56)</p>	<p>Perwakilan (<i>Representamen, R</i>)</p>	<p>Analisis elemen bukan verbal mengikut makna bahasa komunikasi bukan lisan Michael Argyle (1972):</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kontak tubuh: Tiada sentuhan badan b) Kedekatan: Jarak personal (jarak sederhana) c) Ekspresi wajah: Tiada senyuman dan marah apabila melihat Hachiko dipermain-mainkan oleh pekerja lelaki d) <i>Gesture</i>: Dua tangan letak di depan dan berpegang semasa menasihati pekerja e) Postur: Berdiri tegak semasa menasihati pekerja f) Kontak mata: Profesor mempunyai kontak mata dengan Hachiko <p>Profesor Ueno berdiri tegak dan kelihatan tiada senyuman dan marah apabila melihat Hachiko dipermain-mainkan oleh pekerja lelaki. <i>Gesture</i> dan postur Profesor Ueno semasa menasihati pekerja menjadi pelengkap komunikasi verbal yang melarang pekerja membuli anak anjingnya.</p>

Jadual 4.3, sambungan

Objek (<i>Object, O</i>)	Perwakilan (<i>Representamen, R</i>)	Interpretasi (<i>Interpretant, I</i>)
<p>*Elemen verbal dan bukan verbal dilihat pada Profesor Ueno merupakan objek yang dirujuk</p> <p>Elemen verbal pada Profesor Ueno (objek): Saikichi: Buat tiga pusingan, buat tiga pusingan... Heii... Buat tiga pusingan... Kan dah cakap buat tiga pusingan... Bodoh... Memang bodoh... Anjing bodoh... Tiga pusingan. Profesor: Ogatasan (nama panggilan lain untuk Saikichi)! Jangan mempermain-mainkan anak anjing. Anak anjing tu masih kecil sangat... Mana boleh buat semua gerakan tu? Kami bela anjing ni bukan nak jadikan anjing yang pandai buat macam-macam gaya akrobatik.... Cuba kamu fikir dan jadi seperti anak anjing. Hachiko tu dah lapar, bagi makan pagi. Saikichi: Ah... Ya! Profesor: Kamu pun dah makan pagi? Saikichi: Sudah.</p> <p>Elemen bukan verbal pada Profesor Ueno (objek): Profesor Ueno berdiri tegak dan kelihatan marah apabila melihat pekerja lelaki mempermain-mainkan anak anjing lalu menasihatinya.</p>		<p>Interpretasi: Profesor Ueno mlarang orang lain membuli anak anjing menunjukkan sikapnya yang mengambil perhatian terhadap binatang. Perasaan kasih sayang terhadap binatang terkandung dalam kata-kata dan bahasa badan beliau.</p>

4.1.1.4 Adegan 4: Profesor Ueno membuat keputusan muktamad memelihara Hachiko

Jadual 4.4: Pemaknaan kasih sayang dalam adegan 4

Objek (<i>Object, O</i>)	Perwakilan (<i>Representamen, R</i>)	Interpretasi (<i>Interpretant, I</i>)
